

B A B TIGA

MASYARAKAT ISLAM DI ACEH

Sebagai bab kedua dari tesis ini, dengan kajian untuk mencapai objektif yang pertama iaitu mengungkapkan sejarah dan pola kehidupan masyarakat Aceh sebagai masyarakat yang paling awal menerima Islam di Nusantara. Kajian dilakukan bermula dari latar belakang, budaya dan perkembangan masyarakat Aceh dilihat dari pelbagai aspek kehidupannya. Huraian dimulai dengan asal nama Aceh, letak geografinya, asal usul, identiti masyarakat Aceh, sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Aceh, kebudayaan dan adat masyarakat Aceh.

Setelah Islam masuk ke Aceh, kemudian Islam menjadi kekuatan asas yang memberi motivasi dalam mengembangkan dakwah untuk mengubah situasi kehidupan dengan mengamalkan Islam secara utuh dan menyeluruh sebagai pandangan hidup bermasyarakat dan bernegara. Kewujudan Islam diperingkat awal telah mencorakkan dan meningkatkan mutu kehidupan masyarakat Aceh sehingga memberi inspirasi dalam usaha mencapai kemajuan dan kejayaan, hal ini ditandai dengan terbentuknya beberapa kerajaan Islam yang berkembang pesat sampai ke puncaknya pada abad ke-16 Masehi. Oleh itu, Islam sudah menjadi identiti dan bahagian dari kehidupan masyarakat Aceh, maka sampai kini semua masyarakat Aceh beragama Islam, tidak ada masyarakat Aceh yang tidak Islam. Masyarakat Aceh terus berkembang dan menyatu dengan Islam sehingga Islam sudah menjadi pedoman, sebagai rujukan dan asas pegangan yang sangat berharga serta menjiwai kehidupan masyarakat dalam membentuk wadah dan identiti orang Aceh.

Sesuai dengan Islam sebagai pegangan dan pandangan hidup, maka perkembangan dan kehidupan masyarakat Aceh dalam perjalanan sejarah berkait rapat dengan perjuangan untuk melaksanakan Syariat Islam. Perjuangan untuk menjalankan undang-undang syariat ditempuh dengan penuh pergolakan yang dimulai sejak awal kemerdekaan, konflik bersenjata di masa Darul Islam dan pergolakan antara pemerintah Indonesia dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) sejak tahun 1976 yang berlarutan sampai mencapai perjanjian damai pada tahun 2005. Oleh itu, pembahasan dalam bab ini mengenai liku-liku kehidupan masyarakat Aceh sejak Islam masuk dan sejarah berkembang Islam, mengalami masa pergolakan dan era mengisi pembangunan dalam dunia moden yang penuh dengan cabaran dan tantangan.

3.1 Latar Belakang

Masyarakat Aceh merupakan salah satu suku bangsa yang mendiami gugusan kepulauan Nusantara yang paling awal memeluk Islam. Masyarakat Aceh mulai dikenali dan menonjol sejak Islam bersemi dan berkembang keseluruh Aceh yang diamalkan secara fanatik oleh masyarakatnya. Untuk mengetahui latar belakang kehidupan masyarakat Aceh dapat ditelusuri melalui huraian di bawah ini.

3.1.2 Letak Geografis

Negeri Aceh terletak di ujung utara pulau Sumatera. Letak Aceh sangat strategis kerana ia merupakan pintu gerbang masuk bagi pelayaran dari Asia Barat dan Eropah menuju ke gugusan kepulauan Nusantara. Hal ini telah meletakkan Aceh sebagai lalulintas laut dan perdagangan di Selat Malaka yang sangat penting dan utama untuk menghubungkan Asia dan Eropah. Aceh kini menjadi satu provinsi otonomi khusus

dengan gelaran Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Letak Aceh paling barat dari Indonesia iaitu pada posisi 2°- 6° Lintang Utara dan 95° – 98° Lintang Selatan dengan ketinggian rata-rata 125 meter di atas permukaan laut. Sampai tahun 2008 Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dibagi menjadi 23 Kabupaten dan Kota, terdiri dari 276 Kecamatan, 731 Mukim dan 6,424 Kampung.¹

Aceh merupakan daerah yang letaknya sangat strategis kerana kedudukan pada jalur penerbangan dan pelayaran internasional dan terletak di pintu masuk ke Selat Melaka. Luas wilayah daerah Aceh adalah 58.375,63 Km² atau 5.736.557 ha. Secara keseluruhan daerah tersebut terdiri dari perkotaan, perkampungan, sungai, danau, hutan, areal pertanian, padang rumput, pergunungan, daratan dan kepulauan. Letaknya yang strategis itu telah memainkan peranannya yang sangat utama dan berpengaruh di masa lalu dalam bidang perdagangan dan sebagai daerah pertama menerima Islam serta telah memberi sumbangan besar dalam menyebarkan dakwah ke Nusantara. Aceh mampu menguasai jalur perdagangan Selat Melaka dan beberapa kali menyerang Portugis yang ingin menjajah Aceh dan menghancurkan Islam.

Letaknya yang strategis itu telah menjadi kekuatan dan modal bagi Aceh untuk menonjol sejak awal Islam bersemi, berkembang keseluruh Aceh dan Islam dianuti oleh semua penduduknya. Sudah menjadi suratan takdir bahawa semenjak awal sejarah Islam, tanah Aceh tampil sebagai pengemban dakwah Islamiyah yang paling utama, pelopor pembangun tamadun Islam dan mujahid penentang penjajahan barat manakala melanggar kedaulatan bangsa-bangsa di kepulauan Nusantara (Asia Tenggara).²

¹ *Aceh Dalam Angka 2009*, Banda Aceh: Kerja Sama Badan Pusat Statistik Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Dengan Bappeda Aceh, h. 3.

² A. Hasjmy (1990), “Kata Sambutan : Beban Warisan Sejarah “, dalam Amran Zamzami (*Jihad Akbar di Medan Area*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 23.

Aceh menjadi pelopor pembangun tamadun Islam disebabkan oleh letaknya dalam kepulauan Nusantara begitu strategis sehingga Aceh dengan mudah mendapat peluang mempercepat dan berjaya penyebaran dakwah Islam ke seluruh kepulauan Nusantara dalam masa singkat. Aceh juga dapat menguasai Selat Melaka, manakala penjajah Portugis menguasai Tanah Melayu. Fakta sejarah membuktikan bahawa kerajaan Aceh berbentuk kerajaan Islam, iaitu semua peraturan kerajaan berdasarkan hukum Islam. Unsur agama yang kuat itu boleh diterangkan dengan kenyataan bahawa Aceh telah mengalami pengaruh keislaman yang sepenuhnya kerana ia berada di persimpangan laut yang utama di antara kepulauan Melayu dan India.³

Letak Aceh yang strategis telah menjadi faktor dan dorongan untuk mempercepat berkembangnya dakwah Islam dan berjaya menubuhkan beberapa kerajaan Islam yang telah mencapai zaman keemasan di abad ke-16 Masehi. Faktor letak dan pengaruh Islam menjadi asas di mana Aceh di masa kerajaan Aceh Darussalam mampu menguasai lebih separuh pulau Sumatera, sebagian Semenanjung Tanah Melayu dan menguasai perdagangan di Selat Melaka. Aceh sebagai daerah yang terletak di utara pulau Sumatera sampai sekarang masih kuat mengamalkan ajaran Islam oleh penduduknya dan masih berhubungan dengan daerah lain di Nusantara.

3.1.3 Asal Usul Masyarakat Aceh

Aceh merupakan daerah yang unik dan banyah menarik perhatian masyarakat di Indonesia dan masyarakat dunia sejak dari masa lalu, disebabkan masyarakatnya sangat gigih dalam perjuangan mempertahankan identiti Islam dan tidak putus-putus berjuang dalam menentang penjajahan serta sampai kini Aceh masih tetap mempertahankan

³ Zainal Abidin Wahid (1983), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

identitinya dari pelbagai penindasan dan ketidakadilan. Kegigihan dan keunikan masyarakat Aceh itu, pasti dilatarbelakangi oleh asal usul masyarakat Aceh itu sendiri dan didorong oleh Islam sebagai pegangan, panduan dan amalannya.

Para ahli sejarah telah menyelidiki asal usul bangsa Aceh. Seorang peneliti Cowan menarik kesimpulan bahawa ada hubungan erat antara bahasa Aceh dan bahasa *Cam* iaitu bahasa penduduk kerajaan Hindu *Campa* di Vietnam Selatan beberapa abad yang lalu. Pengaruh dari bahasa *Mon-Khmer*, kepada bahasa Aceh, dapat dilihat dari adanya persamaan dengan bahasa *Mon* yang menguasai *Birma Hilir*, sama dengan bahasa kepulauan *Nikobar* dan dengan bahasa sebagian penduduk asli Malaysia. Persamaan yang erat ini bukan hubungan biasa, tetapi kemungkinan kerana percampuran bangsa.⁴

Pada masa lalu mungkin saja terjadi perpindahan penduduk disebabkan perdagangan dan mencari daerah baru yang lebih subur, aman, untuk mencari penghidupan yang lebih baik, maka diduga orang *Campa* pindah ke Aceh untuk mendapat kehidupan yang baru. Mengikuti suatu pendapat yang membuat hipotesa tentang asal orang Aceh: Ketika kerajaan Funan menguasai route perdagangan melalui tanah *Genting Kra*, sebagian bangsa *Cam* pindah ke tanah genting itu. Di sini mereka dipengaruhi oleh bahasa *Mon* dan oleh bahasa penduduk Melaka pra Melayu. Kemudian sabagian mereka pindah ke Aceh. Di Aceh mereka berhubungan dengan suatu bangsa yang mempunyai bahasa mirip dengan bahasa *Nikobar*. Bangsa inilah barang kali yang disebut orang *Mantir* atau *Mantee*.⁵

⁴ Abidin Hasyim (1988), *Kebudayaan Aceh Dalam Delema Konflik dan Konsensus*, dalam *Bunga Rampai Temu Budaya Nusantara PKA- 3*, Banda Aceh: Syiah Kuala Universiti Press, h. 181.

⁵ *I b i d.*, h. 182.

Sebelum orang *Campa* pindah ke Aceh, orang *Mantir* atau *Mantee* dan orang *Gayo* merupakan suku asli yang lebih awal mendiami Aceh. Peneliti sejarah dan antropologi menyebutkan bahawa asal usul bangsa Aceh berasal dari suku *Mantir* atau *Mantee* yang hidup di rimba raya Aceh mempunyai ciri dan postur tubuh kecil dibandingkan dengan orang Aceh sekarang. Diduga suku Mantir ini ada kaitan dengan suku *Mantera* di Melaka, bahagian dari bangsa *Monk Khmer* dari Hindia Belakang. Dengan ini terlihat, semangat dan api revolusi sentiasa hidup dalam jiwa orang Aceh seperti orang *Khmer* dan pengaruh suku pendatang dari Andaman, India dan *Nicobar* di sebelah utara, menjadi bangsa Aceh yang berjiwa gerilya.⁶

Kehidupan suku bangsa Aceh mengalami perubahan oleh pengaruh suku pendatang sehingga terjadi percampuran etnik yang membentuk suatu budaya dan terbentuk identiti suku bangsa Aceh. Pengaruh pertama terjadi terhadap bangsa Aceh datang dari India yang membawa agama Hindu dan Buddha. Pada sekitar tahun 500 Masehi di Aceh telah berdiri suatu kerajaan Hindu yang dikenal di dunia Internasional yang bernama *Poli* dan mempunyai 136 perkampungan. Pengaruh kerajaan Hindu ini masih berbekas sampai sekarang melalui nama-nama tempat di Aceh seperti *Indrapuri*, *Indrapatra*, *Gandapura*, *Kleng*, Raja Dagang, dan lain sebagainya.⁷

Suku bangsa Aceh banyak terjadi integrasi dengan suku yang berasal dari India dan Asia Barat terutama Arab, Persia dan pada masa kerajaan Hindu sudah berhubungan dengan Cina. Di samping itu terdapat kesamaan warna kulit dan bentuk wajah dengan orang India dan Asia Barat, sehingga kuat dugaan suku Aceh tersebut berasal dari Hindustan. Suku bangsa Aceh terus hidup dan berkembang seiring

⁶ Al Chaidar (1999), *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*, c. 1. Jakarta: Madani Press, h. 11-12.

⁷ *Ibid.*, h.13.

dengan perkembangan zaman secara fisik dan kebudayaan serta mempunyai kesamaan hak dengan suku lain di Nusantara. Menurut sejarah suku Aceh datang dari Hindia belakang. Kehadiran etnik Aceh di Nusantara merupakan suatu proses integrasi yang cukup berhasil sehingga terbentuk suatu etnik iaitu suku bangsa Aceh.⁸

Percampuran penduduk Aceh yang lebih besar dengan bangsa asing terjadi sejak Islam masuk ke Aceh pada abad pertama Hijrah atau abad ke-7/8 Masehi. Pada awal Islam masuk ke Aceh, banyak saudagar Islam yang bertindak sebagai pendakwah yang menetap di *Peureulak* dan Pasai. Mereka banyak yang berkahwin dengan penduduk tempatan dengan tujuan untuk mempercepat penyebaran Islam di Aceh. Para saudagar ini terdiri dari bangsa Arab, Parsi dan India. Setelah terbentuk kerajaan Islam *Peureulak*, kerajaan Samudera Pasai dan kerajaan Aceh Darussalam, maka masyarakat Aceh lebih banyak berhubungan dengan penduduk Nusantara, seperti setelah kejatuhan kerajaan Melaka pada tahun 1511 M, banyak para pedagang Islam pindah dan menetap di Aceh. Pada waktu itu saudagar muslim yang selama ini berdagang dengan Melaka memindahkan kegiatan mereka ke Aceh, akibat permusuhan mereka dengan Portugis.⁹

Suku bangsa Aceh merupakan suku Melayu yang mendiami di bahagian utara pulau Sumatera dan berdekatan dengan Malaysia. Mengikut H.M. Zainuddin penduduk Aceh rapat sekali perhubungan darah dan kebudayaan dengan etnik Melayu lainnya yang ada di Malaysia iaitu dari Perak, Johor, Kedah, Pulau Penang dan Pahang. Etnik tersebut diduga berasal dari Babylonia dan India. Bangsa Aceh tersebut diduga

⁸ Abdul Rani Usman (2003), *Sejarah Peradaban Aceh Suatu Analisis Interaksional, Integrasi dan Konflik*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 1-2.

⁹ Anas Machmud (1980), "Turun Naiknya Peranan Kerajaan Aceh di Pesisir Timur Pulau Sumatera", *Sinar Darussalam*, No.112/113, 1980, Banda Aceh: YPD. Unsyiah-IAIN Ar-Raniry, h. 367.

mempunyai kesamaan etnik dan kemiripan budaya terutama dengan Semenanjung Tanah Melayu.¹⁰

Suku bangsa Aceh termasuk dalam Bangsa Melayu yang berasal dari percampuran pelbagai bangsa yang berkembang menjadi suatu identiti masyarakat yang bernama Aceh. Kata-kata Aceh diindentikkan dengan Arab, Cina, Eropah dan Hindustan. Kini masyarakat Aceh terdiri dari sembilan sub etnik yang terdiri dari: *Aceh, Tamiang, Gayo, Alas, Aneuk Jamee, Kluet, Aneuk Laot, Simeulu, dan Sinabang*, yang masing-masing memiliki budaya dan bahasa serta pola pikir sendiri-sendiri.¹¹

Setiap sub etnik Aceh ini memiliki budaya dan bahasa tersendiri, bahasa yang paling banyak dipakai adalah bahasa Aceh yang digunakan oleh sebagian besar masyarakat Aceh yang mendiami pesisir sebelah utara dan bahasa umum masyarakat Aceh. Masyarakat Aceh terbentuk dari suku bangsa asli yang bercampur dengan pendatang yang kemudian lahir pelbagai sub etnik. Semua sub etnik masyarakat Aceh beragama Islam dan sangat kuat berpegang dan mengamalkan ajaran Islam yang terlihat sampai kini. Oleh itu, semua sub etnik ini bergabung menjadi suku bangsa Aceh yang sangat kuat dan teguh kerana mereka diikat dan dipersatukan oleh Islam.

3.1.4 Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh

Pembahasan ini akan menghuraikan bila dan bagaimana sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Aceh. Sejarah masuknya Islam ke Aceh dihuraikan berdasarkan pendapat dua kelompok ahli sejarah yang berbeda. Kelompok pertama mengatakan Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke-13 Masehi yang disponsori

¹⁰ H. M. Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh dan Nusantara*, j. I. Medan: Pustaka Iskandar Muda, h. 28.

¹¹ Al Chaidar (1999), *Op. Cit.*, h. 11.

oleh ahli sejarah Eropah. Kelompok kedua terdiri dari ahli sejarah Nusantara mengatakan bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke-7/8 Masehi atau abad pertama Hijrah. Huraian dari perbezaan ini, mengarah untuk mencari pendapat yang lebih dekat kepada kebenarannya.

a. Sejarah Masuknya Islam di Aceh

Kebanyakan ahli sejarah barat berpendapat bahawa Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad ke-13 Masehi. Pendapat ini telah dianut sampai berabad-abad lamanya. Kini para ahli sejarah Nusantara mulai mempertanyakan kebenarannya. Keraguan kepada kajian awal boleh difahami kerana para sejarawan period awal belum mengkaji dan menganalisis semua sumber yang tersedia, dan besar kemungkinan para sejarawan Eropah juga cuba memutarbalikkan fakta yang ada.

Terlepas dari berbagai kepentingan ahli sejarah dan fakta yang ada tentunya tidak dapat menetapkan waktu yang sebenar Islam masuk ke Nusantara. Untuk menentukan masa yang tepat tentang masalah ini bukan hal yang mudah, memerlukan pelbagai kajian dan fakta yang akurat. Seorang peneliti asal Inggeris Sir Thomas Walker Arnold (1864- 1930) yang telah banyak mengkaji sejarah Islam di Nusantara berpendapat bahawa, sukar untuk menentukan dengan tepat bila Islam pertama sekali masuk ke Indonesia.¹²

Kajian yang dilakukan dalam beberapa tahun terakhir ini menyebutkan bahawa Islam sudah datang ke-Nusantara pada abad pertama Nabi Muhammad menerima wahyu atau abad ke-7 Masehi. Pendapat yang terakhir ini kebanyakan disponsori oleh

¹² T.W. Arnold (1986), *The Preaching of Islam ,A History of The Propagation of The Muslim Faith*. London: Darf Publishers Limited, h. 363.

ahli sejarah Nusantara. Kedua pendapat ini saling berbeda sebenarnya perlu kepada pemecahan dan mencari kebenaran dengan pelbagai bukti, fakta dan data yang ada untuk menentukan mana yang lebih dekat kepada kebenaran.

Dari pelbagai pendapat telah dikemukakan oleh ahli sejarah tentang masuknya Islam ke Indonesia. Pendapat dari kajian awal yang disponsori oleh penulis sejarah Eropah dan ahli sejarah Nusantara sebagai kelompok pertama berpendapat, dengan berpedoman kepada ahli sejarah Eropah menyebutkan bahawa Islam telah masuk ke Aceh dalam abad ke- 13 Masehi terbukti bahawa *Peureulak*, Sumatera Utara sudahpun menerima Islam pada abad tersebut.¹³

Pendapat ahli sejarah di atas merujuk dan berpegang kepada beberapa bukti dan hujah bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke- 13 Masehi. Diantaranya, Pertama, berpegang kepada pengembara Eropah Marco Polo (1271-1295 M) yang pernah mengunjungi Aceh tahun 1292 menyebutkan bahawa kerajaan *Peureulak* dengan penduduknya sudah memeluk Islam dan terdapat kerajaan Islam di sana. Kedua, berpedoman kepada pengembara Muslim Ibnu Batutah yang mengunjungi Samudera Pasai tahun 1343 M, mencatatkan bahawa semua orang yang mendiami Utara Aceh sudah memeluk Islam. Ketiga, berpegang kepada Meurah Silu yang memeluk Islam tahun 1282 yang kemudian terkenal dengan nama Malikus Saleh yang menjadi raja Islam di kerajaan Samudera Pasai. Keempat, ahli sejarah berpendapat bahawa abad ke-13 merupakan abad yang sudah ramai saudagar Asia Barat berlayar ke Nusantara yang memungkinkan masuknya Islam pada abad tersebut.

¹³ Muhammad Uthman El-Muhammady (1976) "Peranan Islam Dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu", dalam *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, h. 63.

Berpegang dan berpedoman kepada fakta dan bukti di atas kebanyakan ahli sejarah Eropah sebagai kelompok pertama berpendapat Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke -13 Masehi. Di antara ahli sejarah yang berpendapat bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke 13 Masehi antara lain:

Cristien Snouck Hurgronje (1857- 1936) seorang ahli sejarah berkebangsaan Belanda yang telah banyak membuat kajian tentang Islam di Aceh berpendapat agama Islam dibawa ke Indonesia pada abad ke-13 Masehi, iaitu setengah abad sebelum jatuhnya Dinasti Abbasiyah (750-847 H.) sehingga terbentuk kekuasaan bangsa Mongol pada tahun 1258 M.¹⁴

Seorang penulis sejarah G.W.S Drewe mengatakan bahawa Islam masuk ke Aceh pada abad ke 13 M. Ia berpedoman kepada seorang penjelajah Eropah, Marco Polo (1271-1295 M), yang pernah singgah di Aceh pada tahun 1292, menyebutkan bahawa kerajaan *Peureulak* (1261-1297 M) sudah menganut agama Islam dan Samudra Pasai sudah mempunyai seorang raja yang beragama Islam.¹⁵ Osman Raliby seorang ahli sejarah Aceh menulis, pendapat ini didukung oleh pendapat seorang penjelajah muslim, Ibnu Batutah (725 H\ 1325 M) mencatat bahawa waktu itu semua orang yang berdiam di Pantai Utara Aceh sudah menganut agama Islam atas kemahuan sendiri.¹⁶

Selain berpegang kepada keterangan kedua tokoh pengembara di atas, juga banyak pendapat lain yang mengatakan bahawa Islam telah masuk ke Aceh pada abad ke-12 Masehi. Sementara Prof. DR. Slamet Mulyana yang berpedoman kepada sejarah

¹⁴ Hurgronje (1973), *Islam di Hindia Belanda*, (pent. Gunawan), Bhratara: Jakarta, h. 13.

¹⁵ G.W.S Drewe (1980), “ Pemahaman Tentang Kedatangan Islam di Indonesia”, dalam Ahmad Ibrahim *et al.* (eds.), *Islam di Asia Tenggara: Perspektif Sejarah*, Jakarta: LP3ES, h. 33.

¹⁶ Osman Raliby (1980), “Aceh Sejarah dan Kebudayaan”, dalam Ismail Suny *et al.* (eds.), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: Bhratara Karya Aksara, h. 21.

Melayu menerangkan bahawa kerajaan Samudera Pasai sudah mulai dikenal pada tahun 1282 M sehingga dapat dipastikan bahawa pada tahun tersebut Malikus Saleh telah menjadi raja Muslim di Sumatera. Ini bererti bahawa Islam di Samudra Pasai telah berkembang pada tahun 1282 M.¹⁷

Suatu pendapat yang sama telah dikemukakan oleh Prof. Dr. Syed Naquib al-Attas bahawa Syarif Makkah telah mengirinkan Syeikh Ismail sebagai ketua rombongan di dalam penyebaran Islam ke Sumatera Utara. Syeikh Ismail telah berhasil mengislamkan kerajaan Samudra Pasai beserta rajanya, Raja Malikus Saleh telah memeluk Islam pada tahun 682 H / 1282 M.¹⁸ Sebagian ahli sejarah mengatakan bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada pertengahan abad ke- 12 Masehi. Sekelompok sejarawan yang lain berpendapat Islam masuk ke Aceh sebelum abad ke-12 Masehi.¹⁹

Kelompok kedua yang terdiri dari ahli sejarah Nusantara berpendapat: Kemungkinan besar Islam sudah masuk ke Aceh jauh sebelum abad ke-13 M, kerana sebelum itu Islam sudah menjadi agama pribadi atau agama keluarga, belum menjadi agama masyarakat umum apalagi terbentuknya kerajaan Islam. Terbentuknya kerajaan Islam setelah semua masyarakat memeluk Islam, Islam sudah ada jauh sebelumnya, yang berkembang sedikit demi sedikit, kemudian baru menyebar secara meluas. Selain dari pada itu menurut suatu pendapat hubungan Nusantara dengan bangsa Arab sudah terjadi sejak abad ke-2 sebelum Masehi, bangsa Arab telah menguasai perdagangan di

¹⁷ Slamet Mulyana (1981), *Kuntala Sriwijaya dan Suwarnabhumi*. Jakarta: Yayasan Idayu, h. 256.

¹⁸ Syed Naquib al- Attas (1969), *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelego*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

¹⁹ Mahmud Yunus (1960), *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta, Pustaka Mahmudiyah, h. 9.

Caylon. Besar kemungkinan pada abad ke-2 sebelum Masehi bangsa Arab telah sampai ke Indonesia.²⁰

Hubungan perdagangan antara Nusantara dengan bangsa Arab telah terjadi jauh sebelum Nabi Muhammad lahir. Hubungan perniagaan antara mereka pada masa itu berkisar pada perdagangan rempah-rempah, di antaranya yang utama adalah kapur barus.²¹ Kapur barus sangat di perlukan kerana dipercayai untuk mengawet dan memandikan mayat. Kapur barus ini hanya terdapat di daerah Barus, Sumatera Utara. Berpijak kepada kepentingan kapur barus, tentu saja orang Arab telah datang ke Indonesia untuk mendapatkannya.

Dari hubungan yang sudah lama itu, kemungkinan besar Islam telah dibawa oleh para pedagang bersama mereka dan lebih awal lagi telah diperkenalkan ke Nusantara. Berdasarkan fakta itu pula, diperkirakan agama baru itu lebih cepat diperkenalkan di Aceh pada masa itu kerana agama baru yang membawa kebenaran, keadilan kejujuran dan kesejahteraan bersama akan diperkenalkan kepada teman atau kawan dagang yang ada di Aceh pada masa itu. Di antara pendapat ahli sejarah Nusantara yang mengatakan bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada abad pertama Hijrah atau abad ke 7 Masehi, antara lain:

Hamka menyebutkan bahawa kerajaan Islam yang pertama tumbuh pada tahun 1292 Masehi. Kepala kampung di negeri Samudera Pasai (Aceh sekarang) yang bernama Merah Silu memaklumkan dirinya sebagai sultan yang pertama di bumi

²⁰ Ahmad Mansur Suryanegara (1995), *Menemukan Sejarah: Wacana Pergerakan Islam di Indonesia*, c. I, Bandung: Mizan, h. 83.

²¹ Uka Tjandrasmita (1976), *Sejarah Nasional Indonesia*. j. 3, Jakarta: Depertemen Pendidikan dan Kebudayaan, h. 54.

kita.²² Di dalam bukunya yang lain, Hamka menyebutkan bahawa Islam telah berangsur-angsur datang ke Indonesia sejak abad pertama Hijrah (abad ke-7 M). Ianya dibawa oleh saudagar-saudagar Islam yang intinya ialah orang-orang Arab dan kemudian diikuti oleh orang-orang Parsi dan Gujarat.²³

Ahli sejarah Nusantara berpendapat bahawa Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad pertama Hijrah. H. Roeslan Abdulgani mengatakan, saya sendiri lebih condong mengikut pendapat Islam sudah datang di kepulauan Nusantara pada abad pertama Hijrah langsung dari tanah Arab.²⁴

Merujuk kepada pendapat ahli sejarah Nusantara, Mr. S.M. Amin mengatakan bahawa Islam sudah ada di Aceh pada abad ke-7 Masehi, iaitu abad di mana Nabi Muhammad menerima wahyu dari Allah swt., sudah terdapat kelompok Islam di tanah air kita ini, iaitu di Aceh (*Peureulak* dan *Pasai*).²⁵

Berpijak kepada seorang penulis, Sirajuddin Abbas memperkirakan bahawa kemungkinan besar Islam sudah bertapak di Aceh pada masa Khalifah Umar Ibn Khatab (634-644 M.) berhasil menaklukkan Rome dan Parsi. Kejayaan Umar telah mempengaruhi orang-orang Parsi yang terdapat di *Peureulak* dan *Pasai*, sehingga Parsi runtuh pada tahun 638 Masehi. Atas dasar ini sebahagian para ahli sejarah berpendapat bahawa Agama Islam sudah berada di Sumatera pada tahun tersebut.²⁶

²² Hamka (1963), *Dari Pembendaharaan Lama*, Medan: Maju, h. 12.

²³ Hamka (1963), "Masuk dan Berkembangnya Agama Islam di Daerah Pesisir Sumatera" dalam *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*. Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, h. 87.

²⁴ H. Roeslan Abdulgani (1980), Islam Datang ke Nusantara Membawa Tamadun/ Kemajuan/ Kecerdasan, *Sinar Darussalam*, No. 112/113, 1980, Banda Aceh: YPD. Unsyiah- IAIN Ar-Raniry, Darussalam, h. 302.

²⁵ Mr. S. M. Amin (1980), "Sejenak Meninjau Aceh Serambi Mekkah", dalam Ismail Suny *et al.* (eds.), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: Bhrata Karya Aksara, h. 51.

²⁶ Sirajuddin Abbas (1972), *Sejarah dan Keagungan Mazhab Syafi'i*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah, h. 218.

Selari dengan pendapat di atas, Dr. Haji Abdullah Ishak menyebutkan bahawa pada zaman Khalifah Umar Ibn Khatib berkuasa, kekuasaan Islam sudah sampai ke negeri Rome dan Parsi. Akibatnya telah ramai orang Parsi memeluk Islam dan begitu juga dengan keturunan mereka yang bermastautin di *Peureulak* dan Pasai.²⁷

Seorang Penulis Aceh Ali Muhammad mengatakan, diperkirakan abad ke- I Hijrah atau abad ke-7/8 Miladiah, artinya kurang lebih satu abad Islam di Aceh berjalan sebagai agama swasta, tak ubah seperti keadaannya sekarang di dunia Barat; dan bagi Aceh bererti bahawa semenjak itu abad 7 /8, zaman jahiliahnya mulai pudar dan wajah Ilahi bersinar dalam membina kepribadian dan kebudayaan.²⁸

Dalam seminar masuknya Islam ke Indonesia yang berlangsung di Medan pada tahun 1963 M, para ahli sejarah sepakat bahawa Aceh adalah sebagai tempat pertama sekali Islam masuk ke Nusantara. Hasil dari seminar itu memutuskan bahawa Islam pertama sekali masuk ke Indonesia, iaitu pada abad pertama Hijrah (abad 7/ 8 M). Daerah pertama kali didatangi Islam ialah pulau Sumatera. Setelah terbentuknya masyarakat Islam, maka raja Islam yang pertama berada di Aceh.²⁹

Seminar yang sama yang dikutip oleh Prof. A.Hasjmy, yang berlangsung di Banda Aceh telah mempertegas tempat masuknya Islam di Aceh. Seminar sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Aceh yang berlangsung di Banda Aceh semenjak

²⁷ Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam di Nusantara Khususnya di Tanah Melayu*. Malaysia: Al-Rahmaniyah, Badan Dakwah dan Kebajikan Islam, h. 29.

²⁸ Ali Muhammad (1981), *Bagaimana Cara Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh*, *Sinar Darussalam* No. 116/117, Banda Aceh: YPD. Unsyiah-IAIN AR-Raniry Darussalam, h.172.

²⁹ Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia (1963), *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*. Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, h. 265.

10 hb s/d 16 July 1987, menegaskan bahawa kerajaan-kerajaan Islam pertama adalah *Peurelak*, Lamuri dan Pasai.³⁰

Merujuk kepada ke-dua pendapat ahli sejarah di atas yang jauh berbeda, yang pertama mengatakan Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad ke-13 Masehi, yang kebanyakan disponsori oleh ahli sejarah Eropah, yang kedua pendapat yang mengatakan Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad pertama hijriah atau abad ke-7/8 Masehi, yang kebanyakan dikemukakan oleh penulis Nusantara.

Pendapat pertama yang mengatakan Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad ke-13 Masehi berpedoman kepada kunjungan Marcopolo dan Ibnu batutah ke Aceh, yang pada waktu mereka singgah telah terdapat masyarakat Islam di Aceh dan sudah terdapat kerajaan Islam serta Islam sudah berkembang di Aceh. Dari data ini menunjukkan bahawa pada masa itu Islam sudah ada di Aceh sudah terbentuk kerajaan dan masyarakat Islam.

Kelompok kedua memperkirakan Islam sudah masuk ke Aceh jauh sebelum Marcopolo dan Ibnu Batutah singgah di Aceh. Mereka mengatakan Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke-7/8 Masehi atau abad pertama Hijrah. Pendapat ini berpegang kepada hubungan dagang antara Asia Barat dengan Nusantara sudah terjadi jauh sebelum Nabi Muhammad lahir. Para pedagang yang sudah menerima Islam yang berdagang ke Nusantara berkewajiban mengembangkan dakwah sebagai tugas suci kepada orang yang membeli dan menjual barang. Pada abad ke-7/8 Masehi diperkirakan sudah ada orang yang memeluk Islam di Aceh secara perseorangan dan peribadi atau secara kekeluargaan.

³⁰ A.Hasjmy (1980), "Adakah Kerajaan Islam Perlak Yang Pertama Dalam Jenisnya di Asia Tenggara." *Sinar Darussalam*, No. 112/113, 1980, Banda Aceh: YPD. Unsyah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 328.

Kelompok pertama yang berpendapat Islam masuk ke Aceh pada abad ke-13 Masehi terdapat kelemahan kerana pada masa kunjungan Marcopolo dan Ibnu Batutah berkunjung ke Aceh sudah ada masyarakat Islam dan sudah ada raja yang Islam, bukan Islam pertama sekali masuk ke Aceh. Pendapat kedua lebih kuat dan dapat dipercayai yang mengatakan Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke 7/8 Masehi. Pendapat ini berdasarkan sudah terjadi perdangan antara Nusantara dengan Asia Barat jauh sebelum Islam lahir, tentunya hubungan dagang ini tidak pernah putus dan terus berlanjutan.

Para ahli sejarah berbeza pendapat tentang siapa yang membawa Islam ke Aceh, sebagian ahli sejarah mengatakan Islam yang datang ke Aceh berasal dari Gujarat India dan sebagian yang lain berpendapat dari tanah Arab, iaitu dari perdagangan Arab dan Parsia. Perbezaan ini dimungkinkan oleh beberapa faktor salah satunya adalah kurangnya sumber yang akurat dan dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah

Pendapat ahli sejarah itu disebutkan antara lain, berdasarkan pendapat seorang penulis Belanda yang disebutkan oleh Slamet Mulyana, tentang siapa yang membawa Islam ke Nusantara. Pendapat ini disimpulkan berdasarkan batu nisan yang ditemukan di Pasai dan Gresik yang berasal dari Gujarat, maka Islam di Indonesia pun disimpulkan dari Gujarat. Kesimpulan yang diambil dari fakta di atas bahawa Islam di Pasai dibawakan oleh pedagang dari Gujarat dapat diterima tanpa keraguan oleh bangsa Indonesia umumnya. Namun kenyataannya ialah batu nisan Malikus Saleh berbeda sekali dengan batu nisan Umar bin Ahmad di Gujarat. Oleh itu, teori Belanda di atas masih diragukan kebenarannya.³¹

³¹ Slamet Mulyana (1981), *Op. Cit.*, h. 267.

Menurut Hamka, Islam dibawakan oleh saudagar-saudagar Islam yang intinya ialah orang-orang Arab dan kemudian diikuti oleh orang-orang Parsi dan Gujarat.³² Prof. Haji Abu Bakar Atjeh menyebutkan bahawa penyiari Islam pertama di Indonesia tidak hanya terdiri dari saudagar India dan Gujarat, tetapi juga muballigh Islam bangsa Arab.³³

Penulis sejarah Aceh, Haji Muhammad Said mengatakan bahawa pembawa Islam ke Nusantara adalah Syeikh Ismail yang langsung datang dari Mekkah dengan pembantunya Fakir Muhammad dari Ma'bri (Malabar).³⁴ Pembawa Islam ke Nusantara disebutkan juga oleh H. M. Zainuddin, bahawa dalam tahun 82 H atau 717 M satu ekspedisi dari 33 buah kapal bangsa Adjam Persia yang dikepalai oleh Zahid telah meneruskan pelayaran ke negeri Cina (Tiongkok), dalam rombongan itu selain saudagar, ikut pula muballigh Islam untuk mengembangkan agama Islam. Sebagian dari kapal-kapal musafir itu telah singgah pula di Sumatera (Aceh).³⁵

Selain dari ekspedisi Zahid terdapat suatu rombongan pendakwah yang disebutkan oleh Abdul Rahman Haji Abdullah, pada masa kerajaan Bani Abbasiyah (750-1258 M) tercetus suatu pemberontakan Alawiyah yang dipimpin oleh Ja'far al-Sidiq dan golongan Syi'ah. Pemberontakan ini dapat dipatahkan, mereka dianjurkan untuk meninggalkan tanah Arab dan berdakwah di negeri lain. Dengan dibentuk sebuah

³² Hamka, (1963) dalam *Risalah Masuknya Islam ke Indonesia*, *Op. Cit.*, h. 40.

³³ Haji. Abu Bakar Atjeh (1963), "Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia, Berita Tentang Peureulak dan Pasai" dalam *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*. Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, h. 224.

³⁴ Haji Muhammad Said (1963), "Mencari Kepastian Tentang Mula dan Cara Masuknya Agama Islam ke Indonesia", dalam *Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*, Medan: Panitia Seminar Masuknya Islam ke Indonesia, h. 191.

³⁵ H. M. Zainuddin (1961), *OP. Cit*, h. 250.

angkatan dakwah yang dianggotai oleh 100 orang yang dipimpin oleh Nakhoda Khalifah. Rombongan ini tiba di *Peureulak* Sumatera pada tahun 800 M.³⁶

Di sekitar kurun ke- 9 M terdapat catatan yang menunjukkan bahawa di Aceh telah tiba seorang ulama Syi'ah Zaidiyah dari Yaman yang bernama Sulaiman bin Abdullah tiba tahun 850 M. Selain ulama Syi'ah terdapat pula seorang ahli sufi datang di kawasan Sumatera bagi menyebarkan agama Islam, iaitu Syeikh Abdullah berasal dari tanah Arab yang tiba di Sumatera tahun 1155 M.³⁷

Merujuk kepada berbagai pendapat penulis menyokong pendapat yang mengatakan Islam sudah masuk ke Aceh pada abad ke-7 Masehi atau abad pertama Nabi Muhammad menerima wahyu. Penulis berpendapat agama baru itu lebih cepat diperkenalkan oleh pedagang ke Nusantara setelah mereka menerima Islam di negerinya. Islam sebagai agama baru yang membawa ketauhidan, kebenaran, kejujuran, keadilan, persaudaraan, persamaan hak, serta menyenangkan hati setiap orang yang menerimanya, tentunya sesuatu yang baru dan yang menyenangkan itu lebih cepat diperkenalkan kepada orang lain untuk sama-sama mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan. Kemungkinan juga pada masa itu semua pedagang bertindak sebagai pendakwah dan berlomba untuk menyampaikan agama baru itu sebagai perbuatan kebaikan yang mendapat fahala dan keredhaan dari Allah swt, sehingga Islam lebih cepat berkembang di Nusantara.

Orang yang diperkenalkan Islampun lebih berminat dan menerima suatu yang baru dan Islam dianggap unik dan luar biasa pada masa itu kerana mereka baru keluar

³⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

³⁷ Haji Abdullah Ishak (1990), *Op. Cit.*, h. 33.

dari alam kegelapan serta banyak orang menerimanya dengan ikhlas dan senang hati. Mereka yang masih dalam alam kajahilan dan kebodohan lebih senang menerima Islam yang membawa pembaruan dan kemajuan serta dapat merubah corak dan pola hidup mereka.

Pada masa pertama Islam diperkenalkan di Aceh pada abad ke-7 Masehi, Islam masih menjadi agama peribadi dan agama keluarga yang masih disampaikan sedikit demi sedikit. Sedangkan pada abad ke-13, Islam sudah menjadi agama umum atau rakyat seluruhnya dan pada abad ke-13 sudah terbentuk kerajaan Islam dan seluruh rakyat sudah memeluk Islam. Dengan demikian tentunya Islam sudah masuk ke Aceh jauh sebelum abad ke-13 iaitu Islam sudah masuk ke Aceh pada abad pertama Hijrah seperti yang dikemukakan oleh kebanyakan ahli sejarah Nusantara.

Dari pelbagai fakta sejarah yang dibentangkan di atas dapat diambil suatu kesimpulan bahawa agama Islam ke Nusantara terutama di Aceh sejak abad pertama Hijrah yang dibawakan oleh pedagang-pedagang Arab dan Parsi, mereka sambil berdagang juga bertindak sebagai pendakwah. Kedatangan Islam disambut baik oleh penduduk pantai dan diterima Islam oleh masyarakat Aceh secara suka rela dan damai bukan kerana paksaan.

Memperhatikan dari berbagai pendapat ahli sejarah di atas dengan fakta yang kuat, utuh dan dapat dipercaya, menunjukkan bahawa Islam sudah masuk ke Nusantara pada abad pertama Hijrah atau abad pertama Nabi Muhammad menerima wahyu atau abad ke-7 dan ke-8 Masehi yang dibawakan oleh saudagar Arab dan Parsi. Aceh sebagai daerah pertama Islam masuk ke Nusantara, tepatnya di daerah *Peureulak* dan Samudera Pasai.

b. Perkembangan Islam di Aceh

Berpodoman kepada huraian sejarah masuk Islam ke Aceh di atas bahawa Islam sudah masuk ke Aceh pada abad pertama Hijriah atau abad ke- 7/ 8 Masehi. Daerah pertama masuk dan berkembangnya Islam di Aceh adalah *Peureulak* dan Samudera Pasai. Islam datang ke Aceh dibawa langsung oleh pedagang-pedagang Arab yang kemudian diikuti oleh pedagang Parsi dan India. Islam yang masuk ke Aceh di peringkat awal telah terjadi perubahan dan menyentuh pelbagai proses sejak masuk sehingga perkembangannya. Proses penyebaran Islam di peringkat awal tentunya berkaitan rapat dengan keadaan pada masa itu, bagaimana Islam yang baru bertapak, lebih cepat berkembang ke berbagai daerah. Perkembangan Islam di Aceh, dibagikan tiga peringkat, iaitu peringkat awal, peringkat pertengahan dan peringkat akhir.

1) Perkembangan Islam di Peringkat Awal

Islam di peringkat awal diperkenalkan melalui proses perdagangan, oleh sebab itu proses Islamisasi erat kaitannya dengan aktiviti perdagangan. Para pedagang muslim telah memainkan peranan penting dan pengasas untuk membiakkan ajaran Islam di *Peureulak* Aceh pada peringkat awal. Mereka memperkenalkan Islam kepada masyarakat pesisir pantai sebagai pusat perdagangan.³⁸

Diperkirakan pada peringkat awal Islam diperkenalkan di Aceh kepada sahabat, kawan dan rakan dagang penduduk tempatan, secara peribadi dan seorang demi seorang, sambil menjual barang mereka berdakwah memperkenalkan Islam.

³⁸ Ibrahim Hasan (1978), Masalah Ekonomi dan Perdagangan di Kerajaan Aceh Darussalam: Suatu Kajian Pendahuluan, *Sinar Darussalam*, No: 96/97, 1978, Banda Aceh: YPD, Unsyiah- IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 516.

Memperkenalkan Islam pada peringkat awal tentunya secara diam-diam dan sembunyi-sembunyi untuk menghindari tantangan, kerana sebelum Islam masuk ke Aceh, daerah ini telah berabad-abad lamanya di pengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha terutama di daerah pantai yang terletak di tepi pantai Internasional, sedangkan dipedalaman pengaruh Aminisme yang masih kuat.³⁹

Para pedagang memperkenalkan Islam pada peringkat awal secara diam-diam dan sembunyi-sembunyi kepada rakan atau kawan, merupakan suatu tindakan yang amat bijaksana kerana orang yang dipengaruhi menerimanya dengan penuh keyakinan, kesedaran dan kebenaran supaya tidak ada perpecahan dan kekacauan. Hal ini sama dengan Nabi Muhammad saw memperkenalkan Islam pada peringkat awal kepada sahabat dan keluarganya secara diam-diam dan sembunyi-sembunyi. Penganut agama baru itu semakin hari semakin bertambah dengan perlahan tetapi pasti, demikian perjalan Islam dari sedikit-demi sedikit semakin melebar dan semakin jauh juga berkembangnya.⁴⁰

Para pedagang muslim memperkenalkan Islam di Aceh, sambil menjual barang kepada pembeli dan kawan terdekat ditempat mereka tinggal secara pelan-pelan kepada beberapa orang saja, yang kemudian menjadi tunas awal untuk membiakkan ajaran Islam. Pada tahap pertama hampir dapat dipastikan, agama itu mulai dikenal melalui perkahwinan dan pergaulan. Sesudah itu setelah mempunyai beberapa pengikut, dapatlah diadakan semacam tabligh atau pertemuan-pertemuan untuk memperdalam dan memperluas jangkauan agama itu.⁴¹

³⁹ Zakaria Ahmad (1972), *Sekitar Kerajaan Aceh Dalam Tahun 1520- 1675*. Medan : Monora, h. 20.

⁴⁰ H. Rus'an (1982), *Lintasan Sejarah Islam di Zaman Rasulullah SAW*. Singapura: c. 1, Pustaka Nasional PLE LTD, h. 55.

⁴¹ UU Hamidy, MA (1981), "Kebijaksanaan Mempergunakan Hikayat, Dalam Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh" *Sinar Darussalam* No.114/115. 1981, Banda Aceh: YPD. Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 17.

Mereka memperkenalkan Islam di pusat-pusat perdagangan iaitu di kota tepi pantai Aceh seperti *Peureulak* dan Samudera Pasai, dakwah dilakukan secara perlahan tanpa paksaan dan kekerasan. Hal ini sesuai dengan yang dijelaskan oleh seorang penulis sejarah Indonesia, Haji Roslan Abdulgani bahawa : Penyebaran Islam itu berlaku setapak demi setapak dan setingkat demi setingkat, tanpa paksaan dan tanpa bentrokan senjata yang bererti, tidak dengan cara penaklukan, melainkan dengan cara damai, disertai dengan jiwa toleransi dan saling harga-menghargai antara para penyebar dan pemeluk agama baru dengan para pengikut agama Hindu-Buddha lama.⁴²

Di peringkat awal perkembangan Islam terus bersaing secara sihat dengan agama Hindu dan saling membawa pengaruh. Masalah utama dalam masa pertama kedatangan Islam itu, ialah masalah pengaruh. Persoalannya, bagaimana cara memperbesar pengaruh Islam secepat mungkin dan bagaimana sebaliknya mempersurut pengaruh Hinduisme secepatnya.⁴³

Pengaruh Islam semakin kuat dan mendapat tempat dan sambutan dihati masyarakat Aceh sehingga mereka lebih yakin untuk memeluk Islam. Setelah pengaruh dan perkembangan Islam itu mempunyai tempat berpijak yang kokoh, maka generasi muda Aceh dengan tegas menolak ajaran Hindu, seperti dilukiskan oleh Hikayat *Putroe Peureukison*. Sang putri yang telah memahami sepenuhnya kelebihan dan kebenaran Islam, dengan tegas menolak bujukan ayahnya agar tetap menyembah berhala.⁴⁴

Pada peringkat awal, Islam diterima oleh masyarakat diantara sebab utama adalah faktor kebenaran ajaran Islam yang dapat diterima oleh akal mereka bukan

⁴² H. Roeslan Abdulgani (1980), *Op. Cit.*, h. 307.

⁴³ UU Hamidy, MA (1981), *Op. Cit.*, h. 17

⁴⁴ *I b i d.*, h. 19.

cerita dongeng yang sukar difahami dan menyembah dewa-dewa serta roh nenek moyang. Mereka yang percaya kepada dongeng-dongeng yang sukar dipahami dan tidak dapat diterima oleh akal sehat.⁴⁵ Kedatangan para pendakwah diperingkat permulaan di Aceh telah berhasil memperkenalkan ketuhanan dalam Islam yang lebih mudah difahami, dimana konsepnya hanya Allah yang berhak disembah. Kesederhanaan ajaran Islam dapat diterima oleh akal mereka kerana ianya sesuai dengan jiwa mereka.

Di samping itu pendakwah dan pedagang Muslim telah dapat menunjukkan perbuatan nyata yang menarik penduduk negeri dengan selalu memberi contoh teladan yang baik. Saudagar-saudagar itu juga lebih tinggi kebudayaannya dari penduduk asli yang memeluk Islam atau agama Indonesia asli, maka tertarik mereka kepada agama Islam.⁴⁶ Dalam pergaulan pendakwah memperkenalkan Islam dengan nilai keadilan dan kejujuran, dan mereka tertarik dengan sifat-sifat dan tingkahlaku yang dimiliki oleh pendakwah. Penduduk pribumi mengagumi saudagar-saudagar Islam, kerana rata-rata mereka kaya, berani dan perangnya baik.⁴⁷

Para pendakwah dan pedagang telah mampu menunjukkan kebenaran dan kebaikan yang boleh menarik penduduk pribumi untuk memeluk Islam. Mereka menunjukkan sifat sopan santun, ramah tamah, ikhlas, amanah, jujur, adil, menepati janji, serta menghormati adat-istiadat daerah negeri. Mereka berbudi luhur dan berakhlak mulia atas dasar cinta dan ta'at kepada Allah sesuai dengan ajaran Islam.⁴⁸

⁴⁵ Azhar Bin Mad Aros (1991), *Sejarah Islam*. Malaysia : I.B.S. Buku Sdn. Bhd, h. 353.

⁴⁶ Ismail Ya'kub (1956), *Sejarah Islam di Indonesia*. Jakarta: Wijaya, h. 10.

⁴⁷ Edi S. Ekadjati (1975), *Seri Sejarah Indonesia: Penyebaran Agama Islam di Pulau Sumatera*. Bandung: PT. Sanggabuwana, h. 16.

⁴⁸ Azhar Bin Mad Aros (1991), *Op. Cit.*, h. 11.

Akhlaq yang mulia yang ditunjukkan telah tertarik hati penduduk pribumi untuk memeluk Islam dan banyak gadis tempatan yang mahu berkahwin dengan mereka. Pedagang muslim yang menetap di Bandar, tertarik juga untuk mengawini perempuan-perempuan pribumi. Dari hubungan perkahwinan inilah dakwah lebih mudah untuk dikembangkan lagi terutama sekali dikalangan keluarga. Islam kemudian disiarkan lebih luas lagi terutama oleh usaha pedagang-pedagang Muslim yang mengawini wanita-wanita di tempat mereka menetap atau tinggal sementara. Sebelum dilangsungkan perkahwinan, wanita-wanita itu diislamkan dulu dan perkahwinan yang demikian itu acapkali menyebabkan anggota keluarga isteri itu memeluk Islam.⁴⁹

Pada period awal penyebaran Islam di Aceh, yang disebabkan perkahwinan antara pendakwah dengan gadis tempatan sangat membantu mempercepat proses penyebaran Islam dikalangan penduduk tempatan terutama di tempat mereka tinggal. Perkahwinan dengan anak negeri, telah terdapat suatu angkatan baru yang memeluk Islam dan mereka menyiarkan pula agama itu.⁵⁰ Perkahwinan antara saudagar Islam dengan gadis tempatan terutama putri kalangan istana dan pembesar negeri semakin memudahkan penyebaran Islam. Ia dapat mempengaruhi keluarga isterinya bahkan masyarakat sekitar.⁵¹ Para pedagang muslim yang sudah berkahwin mendapat kedudukan yang baik dan kukuh disebabkan pengetahuan dan kebudayaannya yang tinggi. Mereka mendapat posisi yang menguntungkan dalam kerajaan. Setelah itu mereka mengangkat dirinya sebagai raja-raja muslim, maka proses penyebaran Islam kepada masyarakat lebih dipercepat kerana sifat-sifat kharismanya itu.⁵²

⁴⁹ P.A. Hoesein Djayadiningrat (1981), "Islam di Indonesia", dalam Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional ke-12 *et al.* (eds.), *Dari Sini Ia Bersemi*, Banda Aceh: Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional ke- 12, h. 7.

⁵⁰ Ismail Ya'kub (1956), *Op. Cit.*, h. 10.

⁵¹ Haji Abdullah Ishak (1990), *Op. Cit.*, h. 74.

⁵² Uka Tjandrasmita (1981), "Proses Kedatangan Islam dan Munculnya Kerajaan-Kerajaan Islam di Aceh", *Sinar Darussalam*, No. 114/115, 1981, Banda Aceh: YPD Unsyiah- IAIN Ar-Raniry Darussalam h. 10.

Perkahwinan para pendakwah dengan gadis tempatan juga telah banyak mempengaruhi generasi baru yang menjadi raja di Aceh. Sebagai contoh dari hasil perkahwinan antara pendakwah Arab dengan gadis pribumi adalah lahirnya Sayyed Abdul al- Aziz yang pada tahun 840 M, telah dilantik sebagai raja pertama kerajaan Peureulak dengan gelar sultan Sayyed Maulana Abdul al- Aziz Syah.⁵³ Perkahwinan ternyata telah mempererat hubungan kekeluargaan antara pendakwah dan pembesar-pembesar kerajaan, dan faktor perkahwinan telah mengembangkan dakwah dari satu kerajaan kepada kerajaan yang lain. Seperti perkahwinan Malikus Saleh dengan putri raja Peureulak menjadi ikatan kepada pembesar dan rakyat Pasai bagi menganut agama Islam.⁵⁴

Hubungan Perkahwinan raja dari satu kerajaan dengan kerajaan yang lain juga telah mempengaruhi penyebaran Islam, seperti Islam tersebar ke Melaka, disebabkan oleh perkahwinan putri Pasai, Ratna Keumala dengan raja Melaka Sultan Muhammad Syah yang bergelar Parameswara Iskandar Syah.⁵⁵ Begitu juga perkahwinan anak raja Melaka dengan putri raja Pahang dan Kedah telah menyebabkan kedua-dua negeri tersebut menjadi negeri Islam di kemudian hari.⁵⁶

Penyebaran Islam di Aceh telah banyak dibantu oleh faktor perkahwinan antara pendakwah dan gadis tempatan dan juga perkahwinan anak raja antara satu kerajaan dengan kerajaan lainnya. Hasil dari perkahwinan diperingkat awal merupakan faktor utama terbentuknya perkampungan dan pemukiman muslim di *Peureulak* dan Samudera Pasai. Pedagang yang telah berkahwin sudah diterima menjadi satu keluarga

⁵³ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Op. Cit.*, h. 37.

⁵⁴ Haji Abdullah Ishak (1990), *Op. Cit.*, h. 75.

⁵⁵ Wan Hussein Azmi (1980), "Islam di Malaysia: Keadatangannya dan Perkembangan Abad ke 7-20 M", dalam Prof. Khoo Kay Kim dan Muhammad Fazil Othman, *Tamadun di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 137.

⁵⁶ Azhar Bin Mad Aros (1991), *Op. Cit.*, h. 347.

dan penduduk tempatan, status ini mereka gunakan dengan baik untuk mengembangkan Islam.

Setelah berkahwin, mereka telah menjadi anggota keluarga dan menjadi penduduk di tempat mereka tinggal, populariti mereka makin terserlah yang akhirnya telah menarik hati dan simpati penduduk negeri untuk beramai-ramai memeluk Islam. Perkahwinan dan akhlak merupakan faktor utama dan terpenting yang dimiliki oleh pedagang dalam proses awal penyebaran Islam bagi penduduk negeri di Aceh, kerana itu dalam pergaulan mereka dihormati dan disayangi oleh penduduk tempatan.

Faktor utama penyebaran dakwah Islam di peringkat awal lebih berkembang dipengaruhi oleh keyakinan kebenaran ajaran Islam, pendakwah dapat menunjukkan contoh teladan yang menarik hati penduduk tempatan, Islam lebih rasional dapat diterima oleh akal sehat dan Islam dapat membawa perubahan dan kesejahteraan dalam pergaulan. Pengaruh dan pergaulan pendakwah yang sangat rapat dan berkesan dengan penduduk tempatan digunakan sebagai kesempatan untuk mengembangkan dakwah di tempat-tempat mereka tinggal, sehingga mereka mampu membentuk kelompok masyarakat muslim dan perkampungan muslim di peringkat awal.

2) Perkembangan Islam di Peringkat Pertengahan

Para pedagang muslim yang telah berkahwin dan menjadi keluarga penduduk tempatan telah berusaha keras dan berhasrat untuk mempengaruhi serta mengembangkan dakwah di peringkat raja-raja. Usaha gigih mereka di peringkat kerajaan telah mampu menarik hati para raja untuk memeluk Islam. Apabila raja memeluk Islam bererti mereka telah mampu mengubah wajah kerajaan menjadi

kerajaan Islam. Para pendakwah dan pedagang telah menetap secara permanen di *Peureulak* dan dari sini mereka menyebarkan Islam, mendirikan Bandar-bandar pelabuhan, melangsungkan perkahwinan dengan wanita pribumi, menerima adat istiadat dan bahasa daerah, bekerja sama dengan para aristokrat dan mewarnai raja-raja tepi pantai dan rakyat dengan warna militan Islam.⁵⁷

Keberhasilan pendakwah dan pedagang muslim menyiarkan Islam di kalangan raja dan pembesar-pembesar kerajaan telah membantu mempercepat penyebaran Islam di Aceh ketika itu. Apabila raja telah memeluk Islam, maka tentulah rakyat akan turut serta memeluk agama Islam.⁵⁸ Pedagang dan pendakwah telah membuat perancangan yang matang untuk mempengaruhi dan menyebarkan Islam di peringkat raja-raja dari daerah ke daerah, dan mereka saling keluar masuk dari pelabuhan *Peureulak* ke pelabuhan Samudera Pasai sehingga dengan mudah mempengaruhi raja di kedua kerajaan tersebut.

Raja dari kerajaan *Peureulak* yang bernama *Meurah Peureulak* yang memerintah tahun 840-864 M dan keluarganya semula beragama Hindu. Kemudian mereka menyatakan memeluk Islam.⁵⁹ Demikian juga raja di kerajaan Samudera Pasai yang diislamkan oleh Syeikh Ismail yang diutus oleh Syareif Mekkah ke Samudera Pasai. Negeri Pasai ketika itu diperintah oleh Meurah Silu (1261-1289 M), setelah memeluk Islam terkenal dengan nama Malikus Saleh.⁶⁰ Setelah dua raja dari kerajaan tersebut memeluk Islam, maka dirikanlah kerajaan Islam *Peureulak* (840-1292 M) dan kerajaan Islam Samudera Pasai (1042- 1444 M), dengan raja –raja seterusnya beragama Islam.

⁵⁷ Tuanku Abd. Jalil (1980), “Kerajaan Islam Peureulak”, *Sinar Darussalam*, No. 112/113, 1980, Banda Aceh: YPD- Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 354.

⁵⁸ *I b i d.*, h. 26.

⁵⁹ Edi S. Ekadjati (1975), *Op. Cit.*, h. 16.

⁶⁰ Haji Abdullah Ishak (1990), *Op. Cit.*, h. 89.

Setelah para raja dan pembesar kerajaan secara sukarela memeluk Islam, sehingga terbentuk kerajaan *Peureulak* dan Samudera Pasai, yang sangat berpengaruh dalam penyebaran dakwah Islamiyah selanjutnya. Raja di kedua kerajaan tersebut mencintai Islam dan raja bertanggungjawab untuk mengislamkan rakyatnya. Pada masa Sultan Ahmad Bahiam Syah memerintah (1321-1349 M), Ibnu Batutah berkunjung ke Samudera Pasai (tahun 1345), ia lama baru dapat menghadap sultan. Pada waktu itu sultan sedang sibuk mengislamkan penduduk negeri-negeri yang belum muslim disekitarnya.⁶¹ Kemajuan dakwah di zaman Samudera Pasai disebabkan oleh dorongan Sultan. Bahkan Sultan sendiri sering terjun ke tengah-tengah rakyat untuk berdakwah, rakyatnya dengan suka rela memeluk Islam. Hati mereka terbuka setelah mendengar seruan rajanya sendiri. Sultan Samudera Pasai yang paling giat melakukan dakwah ke daerah-daerah.⁶²

Raja merupakan tokoh yang punya kekuatan untuk menarik minat rakyat agar memeluk Islam. Rakyat tidak akan menolak seruan rajanya kerana raja adalah orang yang dihormati dan diikuti, maka seruan raja mereka terima dengan senang dan puas hati. Dalam kerajaan Islam Pasai dan *Peureulak*, sultan menjadi tokoh dakwah, contoh yang diberikan sultan itu, kemudian diikuti oleh rakyat sehingga dalam waktu relatif singkat seluruh rakyat Samudera Pasai telah memeluk agama Islam.⁶³ Pengaruh dan dorongan sultan *Peureulak* dan Samudera Pasai telah mempercepat penyebaran dan pengislaman penduduk negeri ke seluruh Aceh yang dapat memperkuat dukungan munculnya kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai.

⁶¹ Edi S. Ekadjati (1975), *Op. Cit.*, h. 23.

⁶² *I b i d.*, h. 22.

⁶³ Mr. S. M. Amin (1963), *Op. Cit.*, h. 50.

Menurut Ismail Ja'kub seorang penulis sejarah Aceh, Islam setelah berkembang di *Peureulak* dan Samudera Pasai, berkembang ketiga jurusan: kebahagian Pidie terus ke Aceh Besar, Daya, Trumon, Barus, Pariaman dan sekitarnya. Kemelaka dan pulau sekelilingnya. Sebahagian pesisir utara pulau Sumatera dan terus ke pulau Jawa.⁶⁴ Di masa jayanya kerajaan Islam *Peureulak* dalam tahun 375 H. (986 M) tentara Sriwijaya mulai menyerang kerajaan ini, dan mendapat perlawanan yang sengit dari rakyat *Peureulak*. Dalam peperangan yang dahsyat itu, menurut A. Hasjmy membawa keuntungan dalam bidang dakwah, iaitu bahawa Islam meluas ke daerah-daerah padalaman yang dibawa oleh pengungsi yang terpaksa hijrah selama terjadi peperangan. Di antara muhajirin itu terdapat ulama kenamaan, dengan demikian terbukalah negeri-negeri Islam baru, seperti negeri Samudera/ Pasai (Aceh Utara sekarang), negeri Isak dan negeri Lingga (Aceh Tengah sekarang), negeri Seribujadi dan negeri Peunaron (daerah Tamiang dan Lukop sekarang).⁶⁵

Setelah peperangan usai, kegiatan penyebaran dakwah lebih giat dilaksanakan, melebar keberbagai daerah. Sekitar tahun 402-405 H. (1012-1059 M) Raja *Peureulak* Sultan Alaidin mengirim Syiekh Sirajuddin dengan sebuah kelompok dakwah ke Buntul Linggeu Aceh Tengah yang kemudian menjadi kerajaan Islam Lingga dengan raja pertama Adi Genali dan selanjutnya dari Lingga dakwah Islam menjalar terus ke pedalaman Sumatera ke tanah Karo, Tapanuli dan sebagainya. Sekitar tahun 723-753 H (1323-1352 M), Dakwah Islamiyah melebar ke timur *Peureulak* iaitu ke Tamiang yang kemudian menjadi kerajaan Islam Beunuwa dengan ibu kota Masmani, selanjutnya melebar terus ke pesisir timur Pulau Sumatera.⁶⁶

⁶⁴ Ismail Ya'kub (1956), *Op. Cit.*, h. 11.

⁶⁵ A.Hasjmy. (1979), "1 Muharram 225 H. Kerajaan Islam Pertama berdiri di Asia Tenggara", *Sinar Darussalam*, No. 103, 1979, Banda Aceh: YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 295.

⁶⁶ A. Hasjmy (1994), *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*, c. 3, Jakarta: Bulan Bintang, h.354-355.

Selanjutnya dalam tahun 601 H (1205 M) dakwah Islamiyah mulai menyebar ke bahagian barat *Peureulak*, serombongan angkatan dakwah yang dipimpin oleh Syeikh Abdullah Kan'an, sehingga berdiri kerajaan Aceh Darussalam di atas puing-puing kerajaan Hindu Purba, kemudian Islam menyebar ke barat selatan sehingga di atas bekas puing-puing Kerajaan Hindu Indrajaya (daerah Lamno sekarang) didirikanlah kerajaan Islam Daya. Kemudian Islam memasuki daerah Kerajaan Hindu Sama Indra (daerah Pidie sekarang) dalam waktu singkat berdirilah kerajaan Islam Pidie, yang kemudian menjadi bahagian kerajaan Aceh Darussalam.⁶⁷

Kesan dari gerakan para pedagang muslim dan tokoh dakwah diperingkat awal telah terbentuk dua kerajaan Islam di Aceh iaitu kerajaan Islam *Peureulak* dan kerajaan Islam Samudera Pasai. Kedua kerajaan ini memegang peranan penting dalam mempercepat berkembangnya dakwah Islamiyah ke seluruh kawasan Aceh. Hasil dari perluasan kerajaan dan kemajuan dakwah Islamiyah di Aceh pada masa itu, maka di samping kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai juga telah terbentuk beberapa kerajaan Islam lainnya seperti kerajaan Islam Jeumpa, Kerajaan Islam Lamory, Kerajaan Islam Benua, Kerajaan Islam Tamiang, Kerajaan Islam Pedir, Kerajaan Islam Daya, dan Kerajaan Islam Aceh Darussalam.⁶⁸ Terbentuknya beberapa kerajaan Islam ini di Aceh pada masa itu melambangkan bahawa Islam telah berkembang ke seluruh Aceh.

Berkembangnya Islam pada masa kerajaan Islam Samudera Pasai bukan hanya di Aceh saja bahkan ke pesisir Sumatera dan tanah Melayu. Berdasarkan tulisan disebuah batu bersurat di *Minje Tujoh* Aceh yang bertarikh 1380 M. dan mengikut

⁶⁷ *Ibid.*, h. 355.

⁶⁸ Lukman Thaib (1996), *Political Demensions of Islam in South East Asia*. Kuala Lumpur: Departemen of Political Sciences, Faculty Sciences and Humanities, University Kebangsaan Malaysia, h. 25.

suatu penafsiran bahawa raja Pasai yang wafat itu telah beragama Islam dan pemerintahan baginda bukan saja terhadap negeri Pasai tetapi mempunyai kuasa dan hak ke atas negeri Kedah. Mengikut suatu pendapat yang lain, batu bersurat yang terdapat di Kuala Berang, Trengganu itu juga mempunyai pengaruh Pasai.⁶⁹

Keterangan ini menjadi bukti bahawa kerajaan Islam Samudera Pasai telah memainkan peranannya dalam mengembangkan dakwah Islamiyah sampai ke Kedah dan Trengganu. Pada masa Sultan Zainal Abidin Bahiyah Syah memerintah Pasai (1321-1349 M) mengikut pendapat Tome Pires, agama Islam berkembang ke Melaka melalui Pasai. Raja Melaka telah memeluk Islam kerana berkahwin dengan putri Pasai. Raja Pasai menggunakan politik persemendaan untuk mengembangkan dakwah Islamiyah di Melaka.⁷⁰ Setelah itu banyak para ulama lepasan pendidikan Islam Samudera Pasai pindah ke daerah lain untuk mengembangkan agama Islam termasuk ke Tanah Melayu. Sejak Islam berkembang ke Semenanjung Tanah Melayu, banyak ulama dari Samudera Pasai pindah ke Melaka di mana mereka menjadi guru agama Islam.⁷¹

Pada masa Sultan Zainal Abidin Bahiyah Syah (1321-1349 M) dari Samudera Pasai telah mengirimkan satu rombongan pendakwah ke pulau Jawa di daerah Mojopahid antara lain Malik Ibrahim dan Ibrahim Asmara. Kedua muballigh itu putra Sultan Zainal Abidin. Mereka sambil berdagang di grisik menyiarkan agama Islam dikalangan penduduk.⁷² Malik Ibrahim mendirikan perguruan Islam di Grisik yang gurunya didatangkan dari Samudera Pasai. Salah seorang guru yang sangat

⁶⁹ Abu Hassan Sham, M.A (1980), "Hubungan Tanah Melayu Dengan Kerajaan Aceh, Khususnya Hubungan Melaka Dengan Pasai", *Sinar Darussalam*, No. 112/113, 1980, Banda Aceh: YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 390.

⁷⁰ *I b i d.*, h. 389-390.

⁷¹ Edi S. Ekadjati (1975), *Op. Cit.*, h. 25.

⁷² *I b i d.*, h. 24.

dihormatinya, ialah Malik Ishak yang kemudian oleh penduduk dipandang sebagai waliyullah yang diberi gelar Sunan Giri.⁷³

Kemudian Fatahillah menyiarkan agama Islam di pesisir Jawa Barat, ia adalah ulama kelahiran Pasai. Beliau dilahirkan pada tahun 1490, ayahnya Maulana Mahdar Ibrahim seorang guru agama Pasai. Beliau berhasil menaklukkan Ceribon, Gunung Jati, Pajajaran dibawah kekuasaanya. Ia pula membuka daerah Sunda Kelapa yang kemudian hari menjadi kota Jakarta, iaitu ibu Negara Republik Indonesia sekarang. Oleh karena kebesarannya, setelah meninggal dunia namanya masih dikenang sebagai Waliyullah dengan nama Sunan Gunung Jati.⁷⁴

Pada peringkat pertengahan perkembangan dakwah Islam di Aceh lebih pesat tersebar keseluruh Aceh yang didukung oleh faktor raja memeluk Islam sehingga semua rakyat memeluk Islam ikut seruan raja. Perkembangan Islam itu dibuktikan bahawa selain kerajaan *Peureulak* dan Samudera Pasai tumbuh beberapa kerajaan Islam di pelbagai daerah di Aceh yang kemudian dipersatukan menjadi kerajaan Aceh Darussalam. Kerajaan *Peureulak* dan Samudera Pasai telah memainkan peranan menjadi pusat pengembangan dakwah di rantau ini dan telah bertanggungjawab dalam mengembangkan ilmu pengetahuan keislaman di Nusantara. Samudera Pasai telah mengirim pendakwah kepelbagai daerah sebagai usaha perluasan ajaran Islam.

3) Perkembangan Islam di Peringkat Akhir

Islam pertama masuk ke Aceh di *Peureulak* dan Samudera Pasai sebagai kawasan pesisir tepi pantai kemudian berkembang dan menjalar ke perkampungan dan

⁷³ S. M. Amin (1980), *Op. Cit.*, h. 55.

⁷⁴ *I b i d.*

pedalaman diseluruh Aceh. Mulai dari Aceh, Islam tersiar ke Sumatera bahagian timur, pulau Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu. Oleh itu, Aceh telah memainkan peranan yang cemerlang dan kukuh dalam pengembangan dakwah Islamiyah, kerana letaknya di persimpangan lalulintas perdagangan yang strategis. Disebabkan letak yang sangat strategis maka Aceh mencapai zaman keemasan perkembangan Islam yang maju, pendakwah tanpa henti-hentinya telah bertindak sebagai pembawa kebenaran dalam menyebarkan Islam ke Nusantara. Pengajian dan pendidikan Islam yang diadakan di Samudera Pasai melahirkan para muballigh Islam dari kalangan penduduk pribumi. Mereka kader-kader Islam yang pertama di tanah air kita. Mereka bertebaran ke berbagai daerah di pulau Sumatera, Semenanjung Malaya, pulau Jawa dan pulau-pulau lainnya di Nusantara.⁷⁵ Penyebaran Islam ke Nusantara yang disampaikan oleh muballigh yang berasal dari pendidikan *Dayah* di Aceh merupakan suatu usaha dakwah sebagai rasa tanggungjawab untuk melepaskan rakyat di Nusantara dari alam kesesatan menuju ke alam keislaman.

Setelah Islam berkembang keseluruh Aceh, maka terbentuklah kerajaan Islam yang kecil, terdapat delapan kerajaan Islam di Aceh pada masa itu, yang masing-masing mempunyai raja tersendiri. Semua kerajaan ini merupakan kerajaan kecil yang berdiri sendiri. Pada permulaan abad ke 16 Masehi, Ali Mughayat Syah yang memerintah tahun (1511 -1530 M) telah berhasil mempersatukan kerajaan-kerajaan kecil di pantai utara dan barat Aceh menjadi satu Negara Islam yang kuat dibawah Kerajaan Aceh Darussalam.⁷⁶

⁷⁵ Edi S. Ekadjati (1975), *Op. Cit.*, h. 21.

⁷⁶ Hasan Saleh (1992), *Mengapa Aceh Bergolak: Bertarung Untuk Kepentingan Bangsa dan Bersabung Untuk Kepentingan Daerah*. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti, h. 14.

Kerajaan Islam Aceh mencapai puncak kejayaannya di bawah pemerintahan Iskandar Muda (1607-1636 M). Pada masa tersebut Aceh mencapai penguasaannya dari Pantai Utara sampai ke Deli dan Panatai Barat sampai ke Padang. Iskandar Muda memperluas kekuasaannya sampai Semenanjung Malaysia.⁷⁷ Iskandar Muda telah memperluas gerakan dakwah sampai ke Sumatera Selatan dan pulau Jawa. Untuk mencapai cita-cita membentuk negara Islam yang luas, dengan giat Iskandar Muda mendorong penyebaran Islam ke daerah di luar kerajaan Aceh. Berkembangnya Islam di Melaka dan di pantai barat pulau Sumatera adalah berkat usaha kerajaan Aceh.⁷⁸

Di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam perkembangan pendidikan dan ilmu pengetahuan sangat maju. Masjid-Masjid dijadikan sebagai pusat pengajian tinggi, seperti Masjid Baitul Rahim yang diasaskan oleh beliau sendiri, Masjid Musyahadah yang diasaskan oleh Iskandar Thani⁷⁹ (1637 M), dan Masjid Jami' al-Rahman yang di asaskan oleh Sultan Alauddin Mahmud Syah I. Ketiga Masjid ini sejajar tarafnya dengan universiti yang mempunyai beberapa fakulti.⁸⁰

Selain dari pada Masjid pada masa Iskandar Muda terdapat juga intitusi pendidikan *dayah*⁸¹ berkembang pesat sebagai tempat belajar pelbagai ilmu pengetahuan. Hasil dari pendidikan *dayah* telah melahirkan muballihg Islam dan ulama besar yang mampu membangun *dayah-dayah* baru. Pendidikan *dayah* sudah ada di Aceh sejak berdirinya kerajaan *Peureulak*, iaitu pada tahun 840 M. *Dayah* yang pertama sekali berdiri di Aceh iaitu "*Dayah Cot Kala*", yang didirikan oleh Teungku

⁷⁷ Edi S. Ekadjati (1975), *Op. Cit.*, h. 43.

⁷⁸ Zakaria Ahmad (1973), *Op. Cit.*, h. 19.

⁷⁹ Sultan Iskandar Thani adalah pengganti Sultan Iskandar Muda dan merupakan menantunya. Beliau berasal dari Pahang, Malaysia. Keberadaan di Aceh adalah kerana dibawa oleh Sultan Iskandar Muda ketika beliau masih kecil lagi.

⁸⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Op. Cit.*, h. 62.

⁸¹ *Dayah* berasal dari bahasa Arab iaitu *Zawiyah* artinya sudut. *Dayah* hanya dikenal di Aceh sama halnya dengan Pesantren di Pulau Jawa dan Pondok di Malaysia.

Syeikh Muhammad Amin, kemudian diikuti oleh *dayah* yang lain-lain. Perkembangan Islam dan ilmu pengetahuan bertambah pesat kerana semua orang Aceh boleh belajar agama di intitusi *dayah* yang dikelola oleh kerajaan. Pengajian dan pendidikan Islam yang diandalkan di Samudera Pasai telah melahirkan para muballigh Islam dari kalangan pribumi. Mereka itulah kader-kader Islam yang pertama di tanah air kita.⁸²

Selain Aceh mengembangkan ilmu pengetahuan dan menjadi gudang muballigh di Nusantara, juga telah lahir ulama-ulama besar yang mampu mengembangkan pelbagai ilmu pengetahuan dan mengarang pelbagai kitab agama Islam yang dikirim ke- Nusantara sebagai pegangan umat Islam. Ulama besar yang mengarang kitab dari Aceh antara lain Syeikh Abdul Rauf al- Singkili (1024 - 1105 H/ 1615-1696 M), Nuruddin Ar-Raniry (M. 1068 H / 1658 M), Syamsuddin Al- Sumatransy (M. 1040 H/ 1630 M), Hamzah Fansuri (M. 1016 H/ 1607 M), Syeikh Burhanuddin, Syeikh Jamaluddin, Syeikh Muhammad Zein, Syeikh Abdullah dan Syeikh Jalaluddin Tursani (Kadhi Malikul Adil (1733-1760 M).

Pada masa pemerintahan Iskandar Muda (1607-1636 M) pernah sejumlah kitab Islam dikirimkan ke Melaka, Kedah, Sumatera Barat terutama daerah Ulakan dan Padang Pariaman, serta Kalimantan.⁸³ Pengiriman kitab-kitab ini sangat membantu peningkatan pengamalan dan pengembangan agama Islam bagi penduduk daerah tersebut. Pengiriman kitab ini menunjukkan bahawa Aceh telah menaruh perhatian besar dalam memainkan peranannya untuk mengembangkan dan menyebarkan agama Islam serta ilmu pengetahuan bagi penduduk di seluruh kepulauan Nusantara.

⁸² Edi S.Ekadjati (1975), *Op, Cit.*, h. 21

⁸³ *I b i d.*, h. 56

Pendakwah-pendakwah Aceh yang dibantu oleh muballigh dari tanah Arab dan India menjalankan kegiatan dakwah bukan sahaja dalam negeri, bahkan dimerata-rata kepulauan Melayu hingga ke Filipina.⁸⁴ Para muballigh Aceh bertindak sebagai orang pertama yang memberikan petunjuk kebenaran dan mampu beradaptasi dengan penduduk tempatan. Di samping sebagai muballigh, mereka juga bertindak sebagai pemimpin agama, iaitu ulama dan pemimpin negara sebagai umara.

Mereka yang dikirim dari Aceh untuk mengislamkan penduduk Nusantara merupakan orang-orang yang berpengetahuan luas, cerdik pandai dan para ulama besar yang menguasai berbagai ilmu pengetahuan dan betul-betul mampu mempengaruhi penduduk tempatan. Di antara ulama yang menjalankan kegiatan dakwah ke kawasan-kawasan luar Aceh ialah Syeikh Syamsuddin al- Sumatrani yang biasa dikirim ke Tanah Melayu dan meninggal disini pada tahun 1630 M/ 1039 H. Begitu juga dengan Hamzah Fansuri (M. 1600 M) yang datang ke Pahang, Banten, Kudus dan Siam.⁸⁵

Aceh yang memainkan peranan sebagai pusat penyebaran Islam dan pengembangan dakwah di Nusantara telah dicatatkan oleh seorang ulama dari Aceh yang bernama Abdullah al- Malikul Mubin pada abad ke 15. Menurut beliau, pada saat tersebut Aceh telah mengirimkan beberapa orang pendakwah ke Nusantara, iaitu :

- a. al- Sayid Syeikh Ahmad al-Turawi Tabalahu ke Samudra Pasai.
- b. al- Sayid Syeikh Muhammad Said Tattahiri ke Champa.
- c. al- Sayid Syeikh Muhammad ke- Minang Kabau.
- d. al- Sayid Syeikh Muhammad Daud ke Pattani.
- e. al- Sayid Syeikh Abdul Wahab ke Kedah.⁸⁶

⁸⁴ Abdullah Ishak (1990), *Op. Cit.*, h. 122.

⁸⁵ *I b i d.*

⁸⁶ Mahayuddin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1997), *Sejarah Islam*, c.7 . Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 603-604.

Pada abad ke-15 Mesehi satu rombongan muballigh dari Pidie Aceh berangkat ke-Sulawesi yang dikepalai oleh Syeikh Ali al-Qaisar dan Raja Abdul Jalil. Tujuan mereka untuk mengembangkan dakwah Islamiyah. Sekalipun banyak penduduk telah beragama Islam mereka tetap mendarat di Makasar.⁸⁷ Kerja keras para muballigh dari Aceh telah menampakkan hasil yang gemilang di berbagai daerah di Nusantara yang sampai sekarang penduduknya masih menganut agama Islam. Berkat usaha muballigh Aceh itu, maka hubungan Aceh dengan daerah-daerah lain tetap terpelihara dengan baik, bahkan Aceh menjadi pusat penyebaran dan pengembangan ilmu pengetahuan Islam. Kerajaan Aceh telah memainkan peranannya sebagai Negara Islam dalam melaksanakan tugas sebagai benteng Islam, memperkuat syariat Islam, membersihkan sisa pengaruh ajaran agama Hindu, dan menangkis serbuan ajaran Kristian yang dipelopori oleh Portugis.⁸⁸

Kerajaan Islam di Aceh telah mengukir prestasi yang cemerlang dan berkesan dalam menyebarkan dakwah Islamiyah ke merata-rata tempat. Oleh itu, kerajaan Islam di Aceh telah bangkit menjadi suatu pusat pengembangan pendidikan Islam, ilmu pengetahuan, dan menjadi pusat gerakan dakwah Islamiyah di Nusantara. Padas masa Sultan Iskandar Muda, Islam telah diperluaskan perkembangannya dengan mengirim para pendakwah keseluruh Nusantara dan juga telah mengirim kitab-kitab yang ditulis oleh ulama Aceh sebagai pegangan hukum Islam terutama bagi kawasan yang baru menerima Islam. Dakwah yang dilakukan dibawah kekuasaan Sultan Iskandar Muda yang tak kalah pentingnya adalah menyerang dan mengusir kafir Portugis di Selat Melaka yang ingin menjajah dan mengancam perkembangan ajaran Islam.

⁸⁷ *I b i d.*

⁸⁸ Djuangga Batu Bara S.S (1987), *Teungku Tjhik Muhammad Dawud di Beureueh, Mujahid Teragung di Nusantara*, Medan: Gerakan Perjuangan dan Pembebasan Republik Islam Federasi Sumatera, h. 58.

Kerajaan Aceh setelah Sultan Iskandar Muda, diperintah oleh menantunya Sultan Iskandar Thani, kemudian dilanjutkan oleh empat orang raja-raja wanita sebagai ratu selama 60 tahun. Pada masa pemerintahan ratu kerajaan Islam Aceh sudah mulai lemah, banyak daerah diluar Aceh melepaskan diri dari kekuasaan Aceh. Situasi di Aceh sendiri tidak menentu, sering terjadi perebutan kekuasaan dalam penggantian Sultan, sehingga kerajaan Aceh semakin lemah. Kesempatan ini digunakan oleh Belanda untuk menyerang Aceh. Dalam keadaan yang tidak menentu tersebut, Belanda mulai menyerang Aceh. Tepatnya pada 8 April 1873 tentara Belanda mulai mendarat di Pantai Kuta *Pantee Ceureumin* dekat Banda Aceh Darussalam. Dalam peperangan ini Jenderal Kohler yang memimpin askar Belanda ditembak mati oleh askar Aceh di depan Mesjid Raya Baiturrahman pada 14 April 1873. Agresi pertama Belanda tersebut berhasil dipukul mundur oleh askar Aceh, sehingga pada 17 April 1873 askar Belanda terpaksa mundur kembali ke *Pantee Ceureumin*.⁸⁹

Pada masa penjajahan Belanda, kegiatan dakwah dipusatkan untuk berjihad melawan penjajah. Sejak pecahnya perang Aceh, hampir semua *dayah* yang melahirkan pendakwah mengalihkan aktivitasnya kearah perjuangan menentang kafir Belanda. Sejak perang berkecamuk, banyak ulama Aceh yang syahid di medan perang.⁹⁰

Menjelang kekalahan Belanda, para ulama mulai bergabung kembali membentuk sebuah organisasi ulama, yaitu Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) pada tahun 1939 yang diketuai oleh Teungku Muhammad Daud Beureueh.⁹¹ Organisasi PUSA ini telah berusaha menghidupkan pendidikan berbentuk baru dengan

⁸⁹ Mr.T.M. Hasan (1980) "Perkembangan Swapraja di Aceh, Sampai Perang Dunia II", dalam Ismail Suny *et al.* (eds.), *Bunga Rampai Tentang Aceh*. Jakarta: Bhrata Karya Aksara, h.180

⁹⁰ Ismuha (1983) "Ulama Aceh Dalam Perspektif Sejarah", dalam Taufik Abdullah *et al.* (eds.), *Agama dan Perubahan Sosia*, Jakarta : C.V. Rajawali, h. 55.

⁹¹ C. Van Dijk (1983), *Darul Islam: Sebuah Pemberontakan*. Graffiti Press (terj.), Jakarta : Graffiti Press, h. 256.

sistim moden dan mereka berdakwah ke pelbagai tempat. Mereka juga telah berjuang menentang penjajahan Jepun sampai Indonesia memperoleh kemerdekaan pada tahun 1945. Setelah memperoleh kemerdekaan, PUSA terus berjuang dalam menegakkan Syariat Islam di Aceh. Islam sudah dijadikan pegangan hidup bagi rakyat Aceh dan Islam diterima dengan ikhlas dan senang hati serta telah dipraktikkan dalam pelbagai segi kehidupannya se hari-hari.

Dari berbagai fakta berkembangnya Islam di Aceh dapat disimpulkan, bahawa Islam berkembang di Aceh diperingkat awal berkembang sedikit-demi sedikit dikota-kota dagang tepi pantai. Para pedagang memperkenalkan Islam kepada kawan dan masyarakat disekitar di tempat mereka tinggal dengan mengawini gadis tempatan, sehingga mereka mampu membentuk keluarga Islam, kemudian menjadi pemukiman dan perkampungan muslim. Dengan usaha yang gigih mereka berhasil memperkenalkan dan mengembangkan Islam diperingkat raja-raja, yang akhirnya bersedia memeluk Islam, sehingga terbentuk kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai di peringkat awal.

Manakala raja memeluk Islam, maka semua rakyat memeluk Islam mengikuti seruan raja mereka, bahkan raja menjadi juru dakwah untuk mengislamkan rakyatnya. Setelah terbentuk kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai, Islam dengan cepat berkembang keseluruh Aceh, sehingga mencakup Sumatera bahagian timur, Pulau Jawa dan Semenanjung Tanah Melayu. Perkembangan Islam di Aceh mencapai puncak kejayaan pada masa kerajaan Islam Aceh Darussalam mulai pada abad ke-15 sampai akhir abad ke 18, dengan perluasan penaklukan serta pengembangan pelbagai ilmu pengetahuan dan pendidikan yang mampu melahirkan beberapa orang ulama besar

yang mampu mengarang kitab-kitab ilmu pengetahuan agama dan mampu mengembangkan dakwah Islamiyah ke seluruh Nusantara.

3.1.4 Identiti Masyarakat Aceh

Masyarakat Aceh adalah masyarakat yang pertama menerima Islam di Nusantara. Islam sudah menjadi pandangan hidup dalam semua segi kehidupan sehari-hari. Semua masyarakat Aceh adalah Islam, tidak ada masyarakat yang tidak Islam. Orang Aceh sangat kuat memegang penderian keyakinan pada Islam. Oleh itu, Islam tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat Aceh. Islam sebagai agama yang suci dan tinggi itu, telah dapat meningkatkan harkat, martabat dan harga diri orang Aceh menjadi tinggi selaras dengan tingginya Islam. Dalam semua hal masyarakat Aceh mengamalkan ajaran Islam dan prinsipnya sesuai dengan prinsip Islam, mengusik kehidupan orang Aceh sama dengan mengusik agamanya. Islam sudah menjadi identiti orang Aceh, maka tidak ada orang Aceh yang tidak Islam, Islam sudah bersatu padu dalam diri dan jiwa, serta semua segi kehidupannya.

Islam sudah diterima oleh masyarakat Aceh sejak abad pertama Hijrah, sampai kini terus diwarisi, dan Islam sudah menjadi pengikat dan pemersatu masyarakat Aceh dari sembilan sub etnik menjadi masyarakat Aceh yang kuat dan fanatik terhadap agamanya. Masyarakat Aceh yang berasal dari pelbagai bangsa seperti Arab, Parsi dan India yang berasimilasi dengan penduduk asli sejak pertama Islam masuk ke Aceh. Sejak dari dulu lagi kebanyakan para pendakwah dan saudagar Islam yang kahwin dengan penduduk tempatan untuk mempercepat penyebaran Islam diperingkat awal sebagai bukti intergrasi masyarakat Aceh. Pendakwah dan saudagar Islam kadang-kadang mereka tidak mau pulang ke negerinya dan tinggal menetap serta berasimilasi

dengan penduduk pribumi. Asimilasi adalah gaya hidup tertua bangsa Aceh yang dipraktikkan hingga sekarang sudah menjadi identitas orang Aceh. Banyak orang Aceh di rantau menikah dengan penduduk lokal. Hal ini diadaptasikan dari pola hidup orang Arab abad pertama Hijrah yang datang ke Aceh. Ketika tinggal menetap inilah orang Arab menyebarkan ajaran Islam hingga berdiri kerajaan Islam *Peureulak*.⁹²

Salah satu ciri orang Aceh suka menerima orang luar atau tamu, seorang tamu akan dihargai dan dilayan dengan baik dan tamu atau orang luar yang belum dikenal betul peribadinya dipanggil dengan *Teungku* sebagai panggilan terhormat sebagai orang alim, berilmu atau seorang ulama, kerana tamu yang datang belum dapat diduga betapa dalam ilmunya, maka dipanggil *Teungku*, kerana sangat dihormati dan dianggap alim. Suka menerima tamu itu sebagai warisan masa lalu di mana orang Aceh banyak dikunjungi orang luar yang dilayan dengan baik di Aceh sebagai tamu, bahkan ada diantara mereka menetap di Aceh menjadi penduduk tempatan. Orang Aceh sentiasa percaya kepada orang luar, asal mereka baik terutama orang Islam dan orang yang bukan Islam serta memberi pasilitis menurut kemampuan yang ada.

Keterbukaan orang Aceh terhadap orang luar dapat dilihat dan terbukti sejak berdirinya kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai lagi dan pada akhir abad ke-16, di mana orang luar mendapat fasilitis dan tempat tinggal yang aman di Aceh. Sebagai bukti di Aceh terdapat kampung *Mperum* dan *Bitai* tempat tinggal orang Turki dan Arab, ada kampung *Biduen*, *Pandee*, kampung Birma dan Jawa. Tempat kediaman orang asing lainnya kampung *Kleng*, *Peunayong* dan kampung *Keudah*. Seorang penulis Eropah Yohn David pada akhir ke-16 mencatatkan bahawa di Aceh

⁹² *I b i d.*, h. 14.

adanya perkampungan orang-orang Portugis, Gujarat, Arab, Benggala, Pegu dan perkampungan orang Cina.⁹³

Penghormatan terhadap orang luar yang sangat tinggi merupakan ciri-ciri dan sikap orang Aceh, dan orang luar mendapat fasilitas sebagai kepala negara atau jabatan tinggi negara di Aceh, seperti Sayyid Abdul Aziz seorang keturunan Arab Quraisy menjadi raja di kesultanan Kerajaan Islam *Peureulak* pada abad pertama Hijrah. Demikian juga Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang Malaysia menjadi Sultan di Aceh. Nuruddin Ar-Raniry yang berasal dari Ranir India diangkat menjadi mufti besar di kerajaan Aceh pada masa Sultan Iskandar Thani. Pada abad ke-18 beberapa orang keturunan Arab diangkat menjadi raja di kerajaan Aceh Darussalam.

Dalam hal ini orang Aceh tidak curiga dan menentang orang luar, orang Aceh lebih toleransi dan percaya kepada orang luar, asal ia punya dasar Islam yang kuat, serta punya ilmu pengetahuan, maka diberi kesempatan dan fasilitas sesuai dengan kemampuannya. Orang Aceh mudah percaya dan mahu membina persahabatan. Orang Aceh kuat memegang janji, penderiannya teguh dan bertindak keras setelah mendapat bukti dari kecurigaan jahadnya lawan dan sahabat. Orang Aceh tidak agresif, tidak cermat, suka dan senang dihargai untuk diajak berunding. Orang Aceh selalu ditipu dan menjadi permainan dari penipu kerana orang Aceh suka memaafkan orang lain.⁹⁴

Orang Aceh yang kuat berpegang pada ajaran Islam, sentiasa berlembah lembut, sopan santun dan percaya pada orang lain, dan mengambil tindakan keras jika orang yang dipercayai menipu atau curang. Tindakan yang lebih keras terjadi terhadap orang-

⁹³ Zakaria Ahmad dan Muhammad Ibrahim (1988), *Banda Aceh Sebagai Pusat Pemerintahan Kesultanan Aceh*, dalam *Kota Banda Aceh Hampir 1000 Tahun*. Banda Aceh: Pemerintah Kotamadya Daerah Tingkat II Banda Aceh, h. 225.

⁹⁴ Muhammad Umar (2002), *Darah dan Jiwa Aceh, Mengungkap Falsafah Hidup Masyarakat Aceh*, Banda Aceh: Yayasan Busafat, h. 277.

orang kafir yang ingin menghancurkan Islam dan menjajah tanah Aceh. Perlawanan yang sangat keras terjadi dalam beberapa kali peperangan, kerajaan Aceh melawan Portugis di Selat Melaka. Perang melawan Belanda yang ingin menjajah Aceh selama 60 tahun yang banyak menelan korban kedua belah pihak. Islam yang dianut orang Aceh tidak hanya mengajarkan agar orang mati syahid mencari surga, melainkan di samping itu ajaran Islam menyuruh orang mencari kebahagiaan di dunia. Syahid dalam pengertian perang Aceh bukan sekadar maju kemedan perang dan gugur, melainkan syahid dalam arti mempertahankan haq dan Islam demi kemuliaan bangsa.⁹⁵

Orang Aceh sangat keras dan berani melawan Belanda demi mempertahankan Islam, semua rakyat berjuang bersama para ulama sebagai pahlawan yang kebanyakan mereka syahid dalam peperangan. Patriotisme yang ditanamkan pada setiap rakyatnya merupakan contoh abadi pada setiap putra-putri Aceh berabad-abad kemudian. Sultan Iskandar Muda pula merupakan tokoh teladan yang tak habis-habis bagi rakyat Aceh khususnya dan rakyat Indonesia umumnya tentang kesetiaan yang telus terhadap agama dan tanah air.⁹⁶

Kemajuan dan kemegahan masa lalu menjadi pedoman dan pegangan bagi masyarakat Aceh sebagai contoh teladan dalam mengisi kemajuan dan pegangan terhadap ajaran Islam. Pedoman masa lalu itu telah membentuk masyarakat Aceh masa kini yang berperadaban tinggi dan punya harga diri dan sejarahnya tersendiri. Aceh merupakan sebuah komunitas plural Islam yang berperadaban tinggi. Peradaban inilah yang memberikan Aceh rasa percaya diri sebagai masyarakat yang terhormat, mulia, berbudi bahasa dan berkebangsaan yang luhur. Peradaban ini pulalah yang memberinya

⁹⁵ Anas Machmud (1983), "Aceh Tidak Pernah Menyerahkan Kedaulatannya Kepada Belanda", *Sinar Darussalam*, No.135, 1983, Banda Aceh : YPD-Unsyiah-IAIN- Ar-Raniry Darussalam, h. 209.

⁹⁶ Zakaria Ahmad dan Muhammad Ibrahim (1988), *Op. Cit.*, h. 222.

sikap dan perasaan yang halus, berbesar hati dalam berkorban, punya rasa malu jika melanggar norma-norma moralitas, dan adil dalam menanggapi keadaan sosial, ekonomi, budaya mahupun politik.⁹⁷

Identiti orang Aceh yang sangat menonjol adalah kerana berani membela kebenaran iaitu Islam, dan mempertahankan mertabat, marwah dan harga diri, dalam mempertahankan apa yang diyakini betul dan benar, maka masyarakat Aceh tidak takut mati dalam perjuangannya. Perjuangan rakyat Aceh dalam mempertahankan Islam dan tanah air sangat tinggi dalam mengusir penjajahan Portugis di selat Melaka dan perang melawan Belanda yang sangat panjang yang membawa banyak korban di kedua belah pihak. Semangat perjuangan masih diwarisi dan berkobar dalam jiwa generasi muda sampai hari ini.

3.1.5 Kebudayaan dan Adat Masyarakat Aceh

Masyarakat Aceh berasimilasi dengan bangsa luar seperti pengaruh India dan Cina dalam mengembangkan ajaran Hindu dan Buddha di zaman silam, pengaruh Islam lebih kuat dan dahsyat dalam membentuk kebudayaan masyarakat Aceh. Islam datang ke Aceh pada abad pertama Hijrah, setelah setengah abad Islam berkembang di Aceh sedikit-demi sedikit sehingga terbentuk kerajaan Islam *Peureulak* yang berdiri pada 1 Muharram 225 H (12 November 839 M). Sejak berdiri kerajaan Islam Kebudayaan dan adat Aceh mengalami perubahan dalam semua segi kehidupan disesuaikan dengan ajaran Islam. Kebudayaan Islam ialah kebudayaan yang bernafaskan Islam ertinya kebudayaan yang bertolak dari ajaran Islam, kebudayaan yang sumber kebenarannya

⁹⁷ Al-Chaidar (1998), *Aceh Bersimbah Darah Mengungkap Penerapan Status Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh 1989-1998*, Jakarta: Pustaka Al-Kausar, h. 9.

al-Qu'ān dan Ḥadith Rasulullah dan ijtihad, tiga sumber yang menjadi panuntun pikiran, perasaan dan kemahuan manusia muslim dalam mencipta kebudayaan.⁹⁸

Kebudayaan Islam berkembang dari ciptaan orang Islam yang berpedoman dan berasakan ajaran Islam, apa yang dikembangkan oleh orang Islam sesuai dengan prinsip, ada kemahuan setiap orang Islam. Kebudayaan yang menjelma dari serba keperluan manusia, adalah menifestasi akal budi dan hati nurani manusia, sehingga kebudayaan bererti, penjelmaan akal, penjelmaan rasa, penjelmaan cita. Kebudayaan Islam bersumber kepada manusia muslim, sehingga defenisinya berbunyi: Kebudayaan Islam adalah penjelmaan iman dan amal salih seorang muslim atau segolongan kaum muslim.⁹⁹

Kebudayaan Aceh tetap berkembang sesuai dengan perkembangan zaman, yang sentiasa disesuaikan dengan ajaran Islam terhadap pengaruh kebudayaan asing. Walau bertapun kebudayaan Aceh terpengaruh kepada kebudayaan asing, telah menemukan identitinya sendiri, yang bercorak Islam. Kebudayaan Aceh tidak mampu digoyah oleh kebudayaan asing manapun, tetapi mampu mempertahankan ciri khas dan keasliannya tersendiri, tidak bererti unsur asing tidak diambil. Dapat kita pastikan bahawa dengan masuknya Islam dalam budaya Aceh, proses pembaruan budaya terus berlangsung, tetapi tidak menghancurkan nilai dasarnya yang Islam.¹⁰⁰ Penjelmaan kebudayaan Aceh yang sangat menonjol berasaskan Islam antara lain:

⁹⁸ Darwis A. Sulaiman (1986), "Sumbangan Kebudayaan Islam Kepada Kebudayaan Indonesia", *Sinar Darussalam*, No. 150/151, 1986, Banda Aceh: YPD. Unsiah- IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 34.

⁹⁹ A. Hasjmy (1983), *Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*. c. I. Jakarta: Beuna, h. 35-36.

¹⁰⁰ Abidin Hasyim (1989), *Op. Cit.*, h. 186.

a. Terbentuknya Kerajaan Islam di Aceh

Setelah lebih kurang setengah abad Islam berkembang di Aceh di peringkat awal, sehingga terbentuk kerajaan Islam *Peureulak* yang pertama pada 1 Muharram 225 H (840 M), dan pada tahun 433 H (1042 M) tumbuh kerajaan Islam Samudera Pasai. Kedua kerajaan ini memainkan peranan penting dalam mempercepat berkembangnya dakwah Islamiyah keseluruh Aceh. Hasil dari perluasan dakwah Islamiyah di Aceh pada masa itu, maka disamping kerajaan Islam *Peureulak* dan Samudera Pasai juga telah terbentuk beberapa kerajaan Islam yang lain.

Sejak Islam masuk ke Aceh dan peranan semua kerajaan Islam ini merupakan asas terbentuknya kebudayaan Islam di Aceh, sehingga semua struktur masyarakat dan pola kehidupan sehari-hari disesuaikan dengan ajaran Islam. Kebudayaan ini terus berkembang, sehingga terbentuk kerajan Aceh yang kuat. Pada permulaan abad ke-16 Masehi, Ali Mughayat Syah yang memerintah pada tahun 1514-1528 M, telah mempersatukan kerajaan-kerajaan kecil di Aceh menjadi kerajaan Islam yang kuat iaitu kerajaan Aceh Darussalam. Kerajaan Aceh Darussalam mengambil Islam menjadi Dasar Negara, sehingga dengan demikian segala hukum yang berlaku didalamnya tidak boleh bertentangan dengan hukum Islam. Kerana itu, maka Kerajaan Aceh Darussalam menetapkan Rukun Kerajaan sesuai dengan ajaran Islam.¹⁰¹

Sejak terbentuk kerajaan Aceh Darussalam sampai ke puncak kejayaannya, perkembangan kebudayaan Aceh yang sesuai dengan ajaran Islam berkembang pesat. Terwujud kerajaan Islam di Aceh telah dapat mengembangkan kebudayaan Islam, peradaban, ilmu pengetahuan dan tetap mengamalkan ajaran Islam yang terus

¹⁰¹ A. Hasjmy (1983), *Op. Cit.*, h. 67.

berlanjut sejak dulu dari generasi ke generasi. Pengaruh dari kerajaan Islam dahulu yang memberlakukan hukum Islam telah membawa inspirasi bagi masyarakat Aceh supaya menjalankan hukum Islam seperti masa lalu, sehingga pemerintah Aceh kini telah melaksanakan undang-undang Syariat Islam dalam segala aspek kehidupan.

b. Mengeluarkan Mata Wang Emas

Kerajaan Islam Samudera Pasai yang berdiri pada tahun (1042-1444 M) telah membuat mata wang sendiri yang dikenal mata wang emas Samudera Pasai. Kemampuan kerajaan Samudera Pasai mengeluarkan mata wang emas menunjukkan betapa tingginya kebudayaan masyarakat Islam Pasai dan kemajuan kerajaan Islam pada masa itu. Berabad-abad lamanya sebelum Amerika Syarikat mengeluarkan mata wang logam dan kertas, di Samudera Pasai, sultan kedua, Muhammad Malik al-Zahir (1297-1326 M) mengeluarkan mata wang emas, yang disebut dirham, berdiameter 10mm dengan berat 0,60 gram dengan mutu 18 karat. Di sebelah muka tertara nama Sultan itu dan di sebelah belakang terdapat ungkapan al-sultan al-'adil.¹⁰²

Sistem pembuatan mata wang emas di Samudera Pasai yang bermutu tinggi itu dikembangkan keseluruh Aceh dan sampai ke Semenanjung Tanah Melayu. Menurut Teuku Ibrahim Alfian, yang mengutip suatu pendapat, mengemukakan bahawa Parameswara, raja pertama Melaka mengadakan aliansi dengan Kerajaan Samudera Pasai, memeluk agama Islam, dan menikahi puteri Pasai. Banyak pedagang dari Pasai mengunjungi Melaka dan memperkenalkan pula sistim penempaan mata wang emas itu di Melaka.¹⁰³

¹⁰² Teuku Ibrahim Alfian (1999), *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi, h. 230.

¹⁰³ *I b i d.*, h. 230-231.

Mata wang emas yang dibuat di Pasai dapat digunakan dalam perdagangan antara bangsa sebagai alat tukar dalam pembelian pelbagai barang dagang, wang logam ini juga dibuat pada masa kerajaan Aceh Darussalam. Kerajaan Aceh Darussalam membuat mata wang sendiri pada zaman sultan Aliddin Ri'ayat Syah al-Qahhar (1539-1571 M), dan terdiri dari tiga macam, iaitu: wang emas yang bernama *derham*, wang perak yang bernama *kupang*, dan wang timah yang bernama *keueh*.¹⁰⁴ Mata wang kerajaan Islam Pasai merupakan mata wang yang tertua sampai saat ini yang dikeluarkan oleh sebuah kerajaan Islam di Asia Tenggara. Peninggalan Mata wang ini menunjukkan bukti betapa maju dan tingginya kebudayaan masyarakat Islam Pasai.

c. Menggunakan Tulisan Jawi

Semenjak berdirinya kerajaan Islam Samudera Pasai, telah digunakan tulisan Jawi atau tulisan haruf Arab Melayu dalam manulis dan surat-menyurat di kerajaan Samudera Pasai dengan menggunakan bahasa Melayu. Penggunaan tulisan jawi merupakan sumbangan Islam terbesar di alam Melayu dalam mencerdaskan umat Islam dan dalam pengembangan ilmu pengetahuan di Nusantara. Sejak kedatangan Islam telah mulai menggunakan huruf Arab pada naskah-naskah Melayu mulai taraf paling awal, pada abad ke- 14 M, sekira seabad setelah terjadi Islamisasi Nusantara. Pemanfaatan huruf Arab oleh masyarakat Melayu dan Jawa merupakan usaha untuk menyempurnakan pengembangan kebudayaan, kerana dengan rekaman yang berupa tulisan, kebudayaan suatu bangsa mudah dipahami oleh generasi berikutnya.¹⁰⁵

¹⁰⁴ A. Hasjmy (1983), *Op. Cit.*, h. 86.

¹⁰⁵ Barorah Bareid (1986), "Kebudayaan Islam: Unsur Utama Dari Kebudayaan Nasional", *Sinar Darussalam*. No. 174/175, 1986, Banda Aceh: Y.P.D. Unsyiah- IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 21.

Huruf Arab-Melayu atau tulisan Jawi, sejak abad ke-14 M telah diajarkan kepada umat Islam sebagai pelajaran dalam membaca dan menulis untuk membanteras buta huruf, dan tulisan ini digunakan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan terutama ilmu agama yang menyangkut dengan Islam. Di Aceh tulisan ini di samping mengembangkan ilmu pengetahuan, digunakan juga untuk menulis cerita rakyat dan hikayat memakai tulisan jawi. Di Samudera Pasai telah berhasil memanfaatkan huruf Arab yang dibawakan oleh Islam itu untuk menulis karya-karya dalam bahasa Melayu yang disebut bahasa Jawi. Salah satu karya yang paling awal ditulis dalam bahasa Melayu klasik adalah Hikayat raja-raja Pasai. Hikayat ini diperkirakan ditulis pada abad ke-15 M.¹⁰⁶

Pada awal abad ke-16 M tulisan jawi ini telah meluas digunakan di Aceh untuk menulis pelbagai ilmu pengetahuan. Ulama-ulama besar di Aceh pada masa itu telah menulis kitab-kitab agama menggunakan huruf Jawi, seperti Nuruddin Ar-Raniry, Hamzah Fansury, Syamsuddin As-Sumatrany dan Syeikh Abdul Rauf As-Singkily. Kitab-kitab yang mereka tulis dapat dipelajari dan menjadi pedoman bagi umat Islam di Nusantara.

d. Menubuhkan Institusi Pendidikan *Dayah*

Pendidikan *dayah* atau Pondok sudah ada di Aceh sejak berdirinya Kerajaan Islam *Peureulak* iaitu pada tahun 840 M. *Dayah* merupakan institusi pendidikan Islam terawal yang tumbuh di Aceh. Di masa kerajaan-kerajaan Islam tidak ada institusi pendidikan lain di Aceh selain *dayah*. Semua petinggi kerajaan ketika itu adalah hasil didikan *dayah*, mulai dari petani, pedagang, angkatan perang sampai raja sendiri hasil

¹⁰⁶ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *Op. Cit.*, h. 9-10.

dari didikan *dayah*.¹⁰⁷ *Dayah* telah memainkan peranan penting dalam mencerdaskan kehidupan masyarakat Islam di Aceh sejak dari dulu lagi sehingga menjadi budaya belajar di *dayah* masa itu. *Dayah* yang pertama sekali berdiri di Aceh adalah *Dayah Cot Kala*, yang diasakan oleh Shiekh Muhammad Amin pada abad ke-10 M. Kemudian diikuti oleh *Dayah Seureulu*, *Dayah Blang Peuria*, *Dayah Lam Peuneuen*, *Dayah Simpang Kanan*, *Dayah Kuta Karang*, *Dayah Lambirah*, *Dayah Tanoh Abee*;, dan lain-lain.¹⁰⁸

Perkembangan Islam dan ilmu pengetahuan bertambah pesat kerana semua orang boleh belajar agama di institusi *dayah* dan budaya Islam berkembang bersama pendidikan *dayah*. Pengembangan ilmu pengetahuan dari *dayah-dayah* di Aceh mencapai puncaknya pada abad ke-16 M pada masa kerajaan Aceh Darussalam, di mana kota Banda Aceh Darussalam pada zaman jayanya, bukan saja tempat kegiatan politik, budaya dan ekonomi, tetapi juga ia sebagai kota tempat kegiatan dan perkembangan ilmu pengetahuan, yang istilah sekarang disebut kota universiti.¹⁰⁹

Pada masa jayanya kerajaan Aceh Darussalam, bukan saja *dayah* yang dikembangkan menjadi tempat menuntut ilmu, bahkan Masjid juga dikembangkan menjadi pusat kegiatan dan pengembangan ilmu pengetahuan. Di antara Masjid yang dijadikan tempat kegiatan ilmu pengetahuan iaitu:¹¹⁰ a. Masjid Jami' Baitur Rahman, yang dibuat oleh Sultan Alaidin Mahmud Syah 1 dalam tahun 691 H/ 1292 M. Masjid ini, disamping kegiatan ibadah, juga merupakan sebuah lembaga perguruan tinggi (Universiti) yang terbesar di Asia Tenggara waktu itu yang lengkap dengan segala

¹⁰⁷ Hasbi Amiruddin (2002), "Ulama Dayah: Peranan dan Responnya Terhadap Pembaruan Hukum Islam", Dalam Dody S. & Ismatu Ropi *et al.* (eds.), *Pranata Islam di Indonesia Pergulatan Sosial, Politik Hukum dan Pendidikan*, c.1. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, h. 121.

¹⁰⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Op. Cit.*, h. 62.

¹⁰⁹ A. Hasjmy (1983), *Op. Cit.*, h. 157.

¹¹⁰ A. Hasjmy (1990), *Op. Cit.*, h. 164-165.

cabang ilmu pengetahuan. b. Masjid Baitur Rahim, yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Muda dalam kompleks Keraton Darud Dunia sekitar tahun 1016 H/ 1607 M. Masjid ini merupakan pusat kegiatan ilmu dalam keraton terutama ilmu politik dan hukum tatanegara. c. Masjid Baitul Musyahadah, yang dibuat oleh Sultan Iskandar Thani dalam kompleks Keraton Kuta Alam sekitar tahun 1046 H/1637 M. Masjid ini merupakan pusat kegiatan ilmu dan kebudayaan yang ke-tiga dalam Kota Banda Aceh.

Kegiatan ilmu pengetahuan di *dayah* dan Masjid di Aceh telah dapat mengembangkan tamadun Islam, dan dari institusi ini pula telah melahirkan ulama-ulama besar di Aceh seperti nama-nama yang telah disebutkan di atas dan mereka telah dapat menulis pelbagai ilmu pengetahuan Islam. Kitab-kitab yang ditulis oleh mereka menjadi pedoman umat islam di Nusantara. Ulama-ulama besar itu menjadi tenaga pengajar di institusi *dayah* dan Masjid, sehingga pengembangan institusi *dayah* di Aceh tetap hidup dan berkembang sampai kini.

e. Perkembangan Kesenian

Seni yang berkembang di Aceh disesuaikan dengan ajaran Islam. Sejak Islam masuk ke Aceh sudah banyak seni yang dikembangkan berciri khas Islam, terutama seni ukir pada batu nisan pada makam raja-raja Aceh. Makam raja-raja Aceh dihiasi dengan batu nisan yang memiliki ukiran-ukiran yang bernilai tinggi. Ukiran pada batu nisan biasanya nama raja dan tahun dia wafat yang ditulis dengan huruf Arab yang indah, disamping itu terdapat ukiran ayat-ayat al-Qur'an dengan seni kaligrafi yang menarik.

Seni lain yang berkembang di Aceh seni bangunan Masjid dan tempat ibadah lain. Menurut Abidin Hasyim, Arsitektur Masjid di Aceh, tidak mengambil gaya arsitektur Asia Barat, tetapi arsitektur Aceh asli, ditandai dengan atap yang bertingkat-tingkat.¹¹¹ Masjid di Aceh yang atap bertingkat-tingkat merupakan seni khas Aceh, tetapi kini seni terus berkembang dan bentuk Masjid di Aceh terdiri dari pelbagai gaya. Menurut A. Hasjmy, di ibu Negara Banda Aceh dibangun beberapa buah Masjid yang arsitekturnya campuran gaya Arab, gaya Parsi dan gaya Aceh tersendiri.¹¹²

Seni bangunan di Aceh banyak dipengaruhi oleh Islam seperti rumah Aceh dan tempat ibadah biasanya atapnya harus menghadap kiblat. Demikian juga seni tarian, nyanyian, hikayat, cerita-cerita rakyat dan seni sastra kebanyakan dipengaruhi oleh unsur-unsur Islam. Kesenian Aceh dibalut dengan nilai-nilai keislaman yang kental. Di samping itu kesenian Aceh juga dipengaruhi oleh lingkungan sosial dan politik. Kenyataan tersebut dapat dilihat pada seni tari, seni sastra, seni teater, dan seni suara. Hampir tidak ada kesenian Aceh yang tidak dipengaruhi oleh unsur Islam. Nilai-nilai keislaman terekspresi dengan sendirinya dalam kesenian.¹¹³

Pelbagai jenis seni dalam masyarakat Aceh berkembang sesuai dengan perkembangan zaman dan memenuhi keperluan masyarakat moden sekarang. Perkembangan seni ini tetap berpedoman pada nilai-nilai Islam serta sesuai dengan adat dan tata susila masyarakat Aceh. Adat dalam masyarakat Aceh adalah semua tradisi atau kebiasaan yang berlaku sebelum datangnya Islam dan sesudah datang Islam. Semua kebiasaan yang menjadi adat sudah disesuaikan dengan ajaran Islam, sejak Islam masuk ke Aceh pada abad pertama Hijrah. Adat yang berkembang di Aceh

¹¹¹ Abidin Hasyim (1989), *Op. Cit.*, h. 186.

¹¹² A. Hasjmy (1983), *Op. Cit.*, h. 285.

¹¹³ Abdul Rani Usman (2003), *Op. Cit.*, h. 112-113.

sesudah Islam masuk, disesuaikan dengan ajaran dan kebudayaan Islam. Adat di Aceh mendukung terlaksananya ajaran Islam. Adat Aceh dengan hukum Islam sukar dipisahkan.¹¹⁴

Seni dan adat masyarakat Aceh sudah menyatu dengan ajaran Islam, tidak dapat dipisah-pisahkan. Masyarakat Aceh ada falsafah hidup tentang adat dengan ungkapan *hukum ngon adat legee zat ngon sipheuet hanjet cree* (hukum Islam dan adat bagaikan zat dengan sifat tidak boleh bercerai). Adat istiadat berasal dari raja atau penguasa, sedangkan hukum berasal dari pada ulama, maka ada ungkapan *adat bak Poteumeureuhom hukom bak Syiah Kuala*.¹¹⁵ Adat dari raja *Poteumeureuhom* (Sultan Iskandar Muda), hukum dari *Syiah Kuala* (ulama). Adat yang berlaku dalam masyarakat Aceh berasas dari ajaran Islam.

Menurut Muhammad Umar, adat dalam masyarakat Aceh terbagi kepada tiga bahagian : 1. *Adat Tullah*, ialah aturan dan ketentuan yang berdasarkan Kitabullah (al-Qur'ān). *Adat Tullah* tidak boleh berubah-ubah, dan harus disyi'arkan dalam masyarakat. 2. *Adat Mahkamah*, ialah aturan dan ketentuan yang dibuat mahkamah rakyat atau diputuskan oleh pemerintah yang rasmi. 3. *Adat Tunah*, ialah adat yang tumbuh dan berkembang dalam masyarakat, dan harus sesuai dengan *adat Tullah* dan *adat Mahkamah*.¹¹⁶

Ketiga macam adat ini dilakukan dalam masyarakat Aceh dan dapat mengikat dan menyatukan masyarakat sesuai dengan ketentuan adat yang perlu dilaksanakan

¹¹⁴ Ismuha (1986), "Peranan Agama Dalam Menggerakkan Pembangunn di Daerah Istimewa Aceh", *Sinar Darussalam*, No.156/157, 1986, Banda Aceh: YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Darussalam, h. 573.

¹¹⁵ Thaib Husein (1986), "Bandingan Terhadap Prasaran Pembinaan dan Pengembangan Hukum Adat Aceh Sebagai Sumbangan Potensial Untuk Pembangunan Hukum", *Sinar Darussalam*, No. 156/157, 1986, Banda Aceh: YPD Unsyiah-IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, h. 644.

¹¹⁶ Muhammad Umar (2002), *Op. Cit.*, h. 14.

serta sesuai dengan ketentuan Islam. Adat yang menonjol dilaksanakan sesuai dengan adat yang berunsurkan Islam di atas adalah dalam upacara atau majlis nikah kahwin, kelahiran dan kematian. Adat inilah yang dapat menyatukan visi dan misi masyarakat Aceh dalam melaksanakan ibadah dan tugas sehari-hari.

3.2 Kehidupan Masyarakat Sebelum Pelaksanaan Syariat Islam

Perkembangan dan kehidupan masyarakat Aceh sebelum pelaksanaan Syariat Islam tahun 1999 penuh dengan pelbagai gejala yang dimulai sejak awal kemerdekaan terutama perang mempertahankan kemerdekaan dan perjuangan pelaksanaan Syariat Islam yang memakan masa yang panjang. Pada awal kemerdekaan Presiden Soekarno datang ke Aceh dalam bulan Jun 1948 dalam suasana perang mempertahankan kemerdekaan. Dalam kunjungan itu Presiden Sukarno berjanji dan memberi gelar kehormatan bagi Aceh dengan daerah modal dan akan memberi hak otonomi yang luas bagi Aceh sehingga dapat menjalankan Syariat Islam.¹¹⁷ Presiden Soekarno telah berdialog dengan pemimpin Aceh Teungku Muhammad Daud Beureueh, akan memberikan hak untuk Aceh menjalankan Syariat Islam asalkan rakyat Aceh mengobarkan perang jihad mempertahankan kemerdekaan Indonesia.

Janji itu terungkap dalam dialog keduanya, dialog itu yang lebih lengkap dapat dibaca dalam buku M. Nur El Ibrahimy yang bertajuk Teungku Muhammad Daud Beureueh, Peranannya Dalam Pergolakan di Aceh, Presiden Soekarno sambil berjanji dengan berkata: *Wallāh, Billāh*, kepada daerah Aceh nanti akan diberi hak untuk menyusun rumah tangganya sendiri sesuai dengan Syariat Islam. Dan *Wallāh*, saya akan mempergunakan pengaruh saya agar rakyat Aceh benar-benar nanti dapat

¹¹⁷ A. Hasjmy (1984) *Darul Islam Dalam Perjalanan Sejarah, Op. Cit.*, h. 7.

melaksanakan Syariat Islam dalam daerahnya. Soekarno bertanya kepada Teungku Muhammad Daud Beureu-eh, Nah, apakah kakak masih ragu-ragu juga. ? Dijawab oleh Teungku Muhammad Daud Beureu-eh: Saya tidak ragu lagi Sdr. Presiden. Sekali lagi atas nama rakyat Aceh saya mengucapkan banyak terima kasih atas kebaikan hati Sdr. Presiden. Menurut keterangan Teungku Muhammad Daud Beureu-eh oleh kerana iba hatinya melihat Presiden menangis terisak-isak, beliau tidak sampai hati lagi meminta jaminan hitam di atas putih atas janji-janji Presiden Soekarno itu.¹¹⁸

Janji Teungku Muhammad Daud Beureueh dengan Soekarno sudah dilaksanakan dengan baik, dan berhasil untuk mempertahankan kemerdekaan melawan penjajahan Belanda, sehingga Belanda tidak dapat lagi masuk ke Aceh, perjuangan rakyat Aceh itu berhasil dipertahankan sesuai janji. Hanya Aceh yang tinggal menjadi kedaulatan Indonesia yang sah. Janji Soekarno sesuai dengan keberhasilan rakyat Aceh tidak pernah dipenuhi iaitu untuk menjalankan Syariat Islam. Perjuangan dan penyatuan Aceh kedalam Indonesia tidak sesuai dengan keinginan rakyat Aceh kerana tidak diberikan hak untuk menjalankan Syariat Islam.

Masyarakat Aceh telah banyak berkorban dalam membantu pemerintah Indonesia, hal ini terbukti dalam kehidupan susah dan melarat selepas kemerdekaan, masyarakat Aceh pada Tahun 1948 telah menyumbang dua buah kapal terbang untuk pemerintah Indonesia. Harga satu kapal terbang waktu itu sebanyak 25 kg emas, rakyat Aceh menyumbang dua kapal terbang berjumlah 50 kg emas. Dana ini dikumpulkan dari rakyat yang rela mengobankan harta benda untuk kepentingan kemerdekaan Indonesia. Dalam dua hari saja telah terkumpul dollar yang cukup untuk membeli dua

¹¹⁸ M. Nur El Ibrahimy (1986), *Op. Cit.*, h. 68.

buah kapal udara iaitu sebanyak 130.000 Straits Dollar. Sebagai penghargaan kepada rakyat Aceh, maka kapal tersebut diberi nama *Seulawah* bererti gunung emas.¹¹⁹

Biaya yang disumbangkan masyarakat Aceh cukup ikhlas untuk membantu pemerintah Indonesia yang baru memperoleh kemerdekaan. Masyarakat Aceh dengan penuh keikhlasan menyumbang dua buah pesawat terbang, iaitu *Seulawah* 1 dan 2, dengan harapan Syariat Islam dapat kembali diterapkan di Aceh sesuai dengan janji Presiden Soekarno. Namun, harapan tersebut tinggal harapan dan tidak pernah diwujudkan ke alam nyata, sehingga munculah gejala yang dikenal dengan peristiwa Darul Islam tahun 1953-1962.¹²⁰ Perjuangan masyarakat Aceh untuk melaksanakan Syariat Islam, mulai sejak awal kemerdekaan dengan pelbagai pengorbanan seperti perang mempertahankan kemerdekaan dan menyumbang harta benda dengan harapan dapat melaksanakan Syariat Islam.

a. Meletus Pemberontakan Darul Islam

Gejolak Darul Islam melibatkan semua rakyat sebagai perang perlawanan terhadap pemerintah pusat. Pemberontakan Darul Islam sudah tumbuh di Jawa Barat pada tahun 1948 yang dipimpin oleh Sokarnadji Maridjan Kartosuwiryo. Persoalan ini pada awalnya timbul akibat dari tidak puas hati tokoh Islam yang menginginkan Islam menjadi dasar negara. Darul Islam (DI) pusatnya di Jawa Barat, tetapi pengaruhnya meluas keluar daerah iaitu ke-Jawa Tengah, Aceh dan Sulawesi Selatan.¹²¹

¹¹⁹ *I b i d.*, h. 47-48.

¹²⁰ Muslim Ibrahim (2003), *Op. Cit.*, h. 28.

¹²¹ Saleh As'ad Djamhari (1971), *Ichtiisar Sedjarah Perdjuaan Abri (1945- Sekarang)*, Jakarta: Departemen Pertahanan-Kemampuan, Pusat Sedjarah Abri, h. 70.

Pemberontakan di Aceh akibat tidak puas pemimpin dan masyarakat Aceh atas pencabutan provinsi Aceh dan kekecewaan kerana tidak diberi kesempatan untuk menjalankan Syariat Islam, padahal sebelumnya Aceh telah banyak berjuang dan berkorban untuk mempertahankan Republik Indonesia. Provinsi Aceh yang telah dibentuk dan merupakan hak masyarakat Aceh dicabut kembali. Keadaan ini telah memanaskan suhu politik di Aceh akibat dari tindakan pemerintah pusat yang mengecewakan dan berita penangkapan ulama, telah membuat pemimpin rakyat Aceh untuk mengadakan perlawanan. Pada bulan September 1953 timbullah pemberontakan dengan label Darul Islam/ Tentera Islam Indonesia (DI/TII) dipimpin oleh Teungku Muhammad Daud Beureu-eh.¹²²

Perjuangan Darul Islam di Aceh berjalan selama sembilan tahun yang membawa banyak korban nyawa dan harta benda di kedua belah pihak. Kehidupan masyarakat mengalami kemunduran dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kehidupan sosial keagamaan yang tidak menentu akibat pemberontakan. Dalam kondisi yang serba miskin dan payah, masyarakat Aceh harus merelakan 4,000 jiwa para syuhada melayang dalam peristiwa Darul Islam tahun 1953-1962.¹²³

Penyelesaian perjuangan Darul Islam dicapai dengan pemberian Propinsi Aceh yang tertuang dalam Keputusan Perdana Menteri R.I. No. I /Missi/1959 / 26 hb Mei 1959 yang kemudian dikenal dengan keputusan Missi Hardi. Dalam keputusan ini dinyatakan Propinsi Aceh menjadi Daerah Istimewa Aceh, iaitu istimewa dalam bidang agama, pendidikan dan adat-istiadat. Keistimewaan ini tidak pernah dilaksanakan hanya sebagai nama saja.

¹²² M.Kaoy Syah dan Lukman Hakiem (2000), *Keistimewaan Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, Jakarta: Pengurus Besar Al-Jam'iyatul Wasliyah, h. 18.

¹²³ Al Chaidar (1998), *Op. Cit.*, h. 1.

Pemulihan keamanan secara penuh terjadi pada 9 hb Mei 1962, setelah pemimpin tertinggi Darul Islam Teungku Muhammad Daud Beureu-eh dan para pengikutnya kembali bergabung kepangkuan negara Republik Indonesia. Tercapainya perdamaian antara Darul Islam dan pemerintah disambut gembira oleh semua lapisan rakyat. Dengan pemulihan keamanan ini rakyat telah dapat melaksanakan aktivitas harian dan pemerintah telah dapat melaksanakan pembangunan daerah Aceh dan menggerakkan pelbagai potensi ekonomi yang bermanfaat bagi kesejahteraan rakyat Aceh dan untuk kemajuan negara.

Imbalan dari pemulihan keamanan yang sangat penting dilaksanakan pemerintah waktu itu, di masa Gubernur Ali Hasjmy adalah membangun pendidikan dengan menubuhkan Kota Pelajar dan Mahasiswa Darussalam (Kopelma) pada tahun 1963 yang terdiri dari Universiti Syiah Kuala dan Institut Agama Islam Negari Ar-Raniry (IAIN-Ar-Raniry) di Banda Aceh. Dengan ditubuhkan dua Universiti ini telah membuka peluang dan kesempatan yang seluas-luasnya bagi putra putri Aceh untuk menimba dan menuntut pelbagai ilmu pengetahuan. Mahasiswa lepasan kedua Unversiti ini telah banyak yang menjadi tokoh masyarakat, tokoh politik dan pemimpin negara yang telah membangun Aceh dalam pelbagai aspek.

Selain membangun universiti setelah perang, pemerintah juga menubuhkan sekolah-sekolah tingkat rendah, menengah dan tingkat atas, sehingga telah membuka peluang kepada semua pelajar untuk mendapat pendidikan. Di samping itu para ulama telah menggiatkan kembali membuka *dayah* (pondok) sebagai intitusi pengajian Islam yang terbengkalai selama perang meletus. Pemberontakan Darul Islam sebagai perjuangan menuntut hak dan keadilan yang banyak menelan korban harta dan jiwa

yang kemudian diselesaikan dengan cara perdamaian di mana Aceh kembali menjadi provinsi sebagai daerah istimewa di bidang agama, pendidikan dan adat-istiadat.

b. Kehidupan di Masa Orde Baru

Di masa awal pemerintahan orde baru yang dimulai sejak tahun 1966 sampai tahun 1998 situasi rakyat Indonesia mulai keadaan aman, situasi politik sudah terkendali dan stabil, demikian juga keadaan masyarakat Aceh yang mulai membangun. Perencanaan pembangunan mulai disusun pada awal pemerintahan Orde Baru. Pembangunan dimulai dengan fokus utama dibidang pertanian, pada tahun 1970, di mana pemerintah Orde Baru mulai memperbaiki ekonomi untuk melonjatkan pendapatan kaum petani dengan memperkenalkan bibit padi baru unggul dengan kaedah penanaman dua kali dalam setahun yang sebelumnya padi hanya ditanam sekali setahun. Pemerintah juga memperbaiki irigasi tradisional menjadi irigasi lebih moden dan membuka lahan sawah padi baru bagi petani. Petani diberikan penyuluhan mengenai amalan penanaman padi baru yang lebih efektif dengan bibit unggul, penggunaan baja dan pemberantasan hama padi, dengan tujuan untuk meningkatkan hasil pertanian, program pertanian sebagai asas pembangunan dan meningkatkan ekonomi masyarakat desa. Mulai pada saat itu para petani di Aceh sudah boleh meningkatkan hasil pertanian berlipat ganda.

Pada tahun 1971 tahap program pembangunan telah bermula dan diatur secara lebih mendasar, terancang dan terperinci yang disebut dengan Rencana Pembangunan Lima Tahun (Repelita) yang dilaksanakan dalam lima tahun dan disusun kembali untuk lima tahun berikutnya, sehingga mencapai 25 tahun sebagai wawasan pembangunan jangka panjang tahap pertama, dan 25 tahun lagi sebagai wawasan jangka panjang

tahap kedua. Dalam program pembangunan Repelita dengan perancangan strategik, pembangunan telah direncanakan dalam pelbagai sektor, seperti sektor pertanian, perindustrian, pendidikan, perhubungan, pengangkutan, pelancongan dan lain-lain yang diperlukan.

Selama pembangunan repelita, di Aceh sudah mulai memperbaiki infrastruktur asas untuk kepentingan masyarakat, seperti pembangunan jalan raya, jalan kampung dan jambatan yang diperlukan masyarakat. Di setiap kampung di Aceh mendapat wang pembangunan setiap tahun yang digunakan oleh masyarakat untuk membangun infrastruktur asas yang diperlukan di desa masing-masing. Dalam sektor pendidikan misalnya telah menampakkan hasil yang membanggakan dengan ditubuhkan sekolah-sekolah dari pelbagai peringkat di semua kawasan yang memerlukan pendidikan. Kehidupan masyarakat pula sudah dapat ditingkatkan dalam pelbagai sektor seperti peningkatan ekonomi, kesejahteraan sosial dan peningkatan kesihatan dengan ditubuhkan Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) di setiap Kecamatan (sub distrik).

Pemerintah daerah Aceh telah mengerakkan potensi alam yang ada sebagai sumber ekonomi seperti dari hasil hutan, hasil kelautan, pertanian dan hasil tambang minyak. Pada awal tahun 1970 perusahaan minyak Mobil Oil menemukan ladang Gas Alam di Lhokseumawe yang dapat diambil selama 50 tahun. Pembangunan kilang Liquid Natural Gas (LNG) selesai pada tahun 1976, yang dirasmikan oleh Presiden Soeharto. Dari hasil kilang LNG itu di samping gas cair, menjadi bahan baku buat kilang pupuk (baja), maka didirikan dua kilang pupuk untuk ekspor, iaitu PT. Pupuk Iskandar Muda (PIM) I dan Aceh Asean Fertilizer (AAF).¹²⁴

¹²⁴ M. Kaoy Syah dan Lukman Hakiem (2000), *Op. Cit.*, h. 41.

Gas Alam Aceh Utara itu merupakan penyumbang devisa dan pendapatan yang cukup besar bagi negara. Hasil eksploitasi gas alam di Aceh sangat besar mengikut perkiraan kasar dari data yang diperoleh, setiap tahun rata-rata hasil kotor yang diperoleh Ladang Gas Aron itu US\$ 2,1 Miliar atau lebih kurang US\$ 6 juta per hari. Apa yang dimanfaatkan masyarakat Aceh dari hasil gas itu amat kecil dibandingkan hasil yang dikeluarkan Aceh. Dana Anggaran Pendapatan Belanja Negara (APBN) yang dikembalikan ke Aceh setiap tahun hanya sekitar Rp 700 Miliar Rupiah atau kira-kira US\$ 82 Juta.¹²⁵

Dari data ini hasil yang dikembalikan untuk Aceh tidak sampai 1%, hal ini sangat tidak memuaskan masyarakat Aceh. Pada tahun 1976 aktivis mahasiswa yang bergabung dalam Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia (KAMI) menuntut pemerintah pusat agar memberi 10 % dari hasil penjualan minyak dan gas kepada pemerintah daerah Aceh. Kemudian Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Aceh telah meminta 20 % dari hasil minyak bumi dikembalikan kepada daerah. Akan tetapi kedua tuntutan itu tidak dipenuhi oleh pemerintah pusat dan suara-suara protes hilang ditelan arus pembangunan.¹²⁶

Kewujudan Gas Alam di Aceh itu yang hasilnya cukup besar, sebenarnya tidak memberi impak yang bermanfaat dan tidak beruntung bagi rakyat Aceh, kerana semua hasilnya dikuras secara besar-besaran untuk kepentingan Jakarta dan masyarakat Aceh hanya mendapat tetesan paling kecil. Keuntungan dan manfaat gas di Aceh itu dinikmati oleh Jakarta dan di kilang gas itu pekerjaanya dikuasai orang luar, orang Aceh hanya dapat kerja sebagai buruh kasar. Orang luar dapat kerja dan jawatan kerana di

¹²⁵ Abdullah Ali (1999), "Aceh Dulu, Sekarang dan Masa Depan" , dalam Tulus Widjanarko *et al.* (eds.), *Aceh Merdeka Dalam Perdebatan*. Jakarta: PT. Cita Putra Bangsa, h.10.

¹²⁶ M. Isa Sulaiman (2000), *Op. Cit.*, h. 6.

masa orde baru kerja diutamakan untuk famili atau keluarga disebabkan unsur Korupsi, Kolusi dan Nepotisme (KKN) dipraktikkan secara meluas di Indonesia.

Pemanfaatan gas di Aceh itu secara sepihak oleh Jakarta, telah menimbulkan perbedaan dan cabaran dalam perkembangan ekonomi yang tidak sihat serta sangat menonjol jurang pemisah antara kaya dan miskin, antara pendatang mendapat kerja dan orang di pesekitaran kilang gas itu menjadi miskin. Akibatnya, pertentangan, ketidakpuasan dan kekecewaan muncul kepermukaan, kerana pemerintah tidak adil dan tidak arif dalam memberikan hak sesuai dengan kekayaan yang dimiliki Aceh. Sebahagian tokoh Aceh melihat kekuasaan Orde Baru dibawah Presiden Soeharto tidak membawa banyak faedah dan manfaat bagi Aceh sama saja dengan Soekarno berkuasa, bahkan Soeharto lebih rakus dalam mengeruk sumber alam kekayaan Aceh. Kekecewaan dan kekhawatiran dari ketidakadilan pemerintah telah menjadi konflik politik dan pengaruh dari kemajuan teknologi yang mengeser nilai-nilai agama serta akses dari pembangunan yang tidak merata, maka di Aceh timbul tindakan-tindakan yang tidak memuaskan.

c. Muncul Gerakan Aceh Merdeka (GAM)

Gerakan Aceh Merdeka (GAM) muncul akibat dari ketidakpuasan dan perbedaan kefahaman terhadap pemerintah yang tidak adil dalam pembahagian hasil kekayaan alam dan tidak diberi kesempatan untuk melaksanakan Syariat Islam yang sudah diperjuangkan sejak dari dulu lagi. Perjuangan GAM mengikut suatu selebaran adalah perjuangan Islam yang bertujuan mengembalikan kehidupan bangsa Aceh pada dasar hukum nenekmoyang yang telah membawa kepada kemerdekaan, kebesaran dan

kemakmuran.¹²⁷ Perjuangan GAM merupakan kelanjutan dari perjuangan Darul Islam yang tidak berhasil dalam perjuangan di tahun 1953, hal ini terbukti banyak tokoh Darul Islam mendukung dan terbabit dalam Gerakan Aceh Merdeka. Gerakan Aceh Merdeka ditubuhkan oleh Hasan Tiro, saat pulang ke Aceh pada tahun 1975, ia berberapa kali tampil dalam pertemuan khusus untuk membahas persiapan berdirinya GAM di Gunung Halimun. Hasan Tiro aktif menggalang kekuatan dari tokoh-tokoh muda dan intelektual Aceh untuk mendukung GAM yang diproklamkan 4 Disember 1976 dinyatakan sebagai hari proklamasi dan kelahiran Aceh Merdeka. Pada hari 24 Mei 1977 dibentuk kabinet pemerintahan GAM.¹²⁸

Kemunculan GAM bertepatan dengan pilihan raya tahun 1977 dan pada masa itu sedang giat dibangun projek raksasa Gas Alam di Lhokseumawe Aceh Utara, maka pemerintah bertekat menumpaskan Gerakan Aceh Merdeka. Pada saat itu perlawanan dan serangan dari GAM mencuat berterusan dan untuk mengatasinya pemerintah memberlakukan Aceh Daerah Operasi Meliter yang dikenal dengan DOM, dengan nama operasi Jaring Merah yang banyak menumpahkan darah rakyat Aceh. Operasi ini berlaku sejak tahun 1989-1998 M yang diperkirakan ribuan rakyat Aceh tewas. Dalam musyawarah Rakyat Aceh pada Februari 1999 disebutkan korban DOM sebanyak 8,344 orang telah tewas, 875 orang hilang, 1,465 wanita jadi janda, 4.670 anak-anak jadi yatim, 34 gadis diperkosa dan 298 orang cacat seumur hidup.¹²⁹

Rakyat yang di tangkap oleh tentara pada masa DOM, walaupun tidak jelas kesalahannya dengan GAM, kebanyakan mereka dibunuh, sedikit sekali yang dilepaskan atau dibawa ke pengadilan. Mereka disiksa dan dibunuh secara kejam dan

¹²⁷ *I b i d.*, h. 26.

¹²⁸ Nata S. Pane (2001), *Sejarah dan Kekuatan Gerakan Aceh Merdeka*, Jakarta: P.T. Gramedia Widiasarana Indonesia, h. 36-37.

¹²⁹ Nata S. Pane (2001), *Op. Cit.*, h. 176.

mayatnya dicampak ditepi-tepi jalan dengan badan tanpa kepala supaya tidak dapat dikenal lagi oleh familinya. Terdapat kuburan massal di Aceh yang ditemui kelompok pencari fakta dan keterangan masyarakat ditindak lanjuti dengan melakukan pembongkaran untuk kejelasan dan kepastian atas diri mayat-mayat di dalamnya.¹³⁰

Pada 7 Ogos 1998 daerah operasi militer dicabut atas desakan masyarakat Aceh kepada Presiden baru B.J.Habibie dan Presiden berjanji akan mengusut dan mengadili pelaku kekejaman di masa DOM yang melanggar hak-hak atasi manusia dan membantu keluarga korban. Janji-janji yang dibuat pemerintah tidak pernah dilaksanakan, terutama untuk mengadili tentara yang melakukan kekejaman. Akibatnya rakyat Aceh protes dan turun membuat tuntutan hak dan keadilan.

Pada awal tahun 1999 pemerintah pusat kembali masukkan Pasukan Pinindak Perusuh Massa (PPRM) yang mengorbankan kembali masyarakat Aceh dengan aksi pembantaian. Pada 5 Januari 1999 dalam operasi itu menewaskan 11 masyarakat biasa, 32 luka-luka, dan 170 ditangkap. Tentara menyerbu gedung Komite Nasional Pemuda Indonesia (KNPI) Lhokseumawe, empat orang tewas, 23 luka-luka kerana diinjak-injak. Insiden di Kreung Geukuh Aceh Utara 31 masyarakat biasa tewas dan 81 luka-luka, yang paling menyedihkan pembantaian oleh tentara di *dayah* (Pondok Pasantren) Teungku Bantaqiah di Beutong Aceh Barat 27 July 1999, tokoh ulama itu bersama 37 muridnya tewas dibunuh secara kejam dan mayat mereka dibuang dalam sebuah lubang.¹³¹

Pelbagai peristiwa yang terjadi dan tuntutan dari masyarakat Aceh tidak pernah diperdulikan dan janji yang dibuat oleh pemerintah sendiri tidak ditepati. Keadaan yang

¹³⁰ Al-Chaidar (1998), *Op. Cit.*, h. 109.

¹³¹ Nata S. Pane (2001) *Op. Cit.*, h. 77.

tidak menentu dan banyak peristiwa yang terjadi setelah mencabutan DOM telah mendorong dan membuka kesempatan bagi GAM untuk bangkit kembali. Kebangkitan GAM kali ini lebih besar dan lebih meluas serta mendapat dukungan dari sebagian besar masyarakat Aceh. GAM berkembang dengan sangat cepat dan dapat memasukkan senjata dari luar negeri sehingga terjadi pertempuran di mana-mana diseluruh Aceh. Peperangan antara tentera GAM dengan tentera Indonesia secara terbuka mulai terjadi selepas masa DOM mulai tahun 1999 sampai tahun 2004 yang diperkirakan ribuan masyarakat Aceh telah tewas terutama masyarakat awam, dan ratusan rumah dan bangunan termasuk 350 buah sekolah telah dibakar.

Pada awal tahun 2004 pemerintah Indonesia telah memberlakukan kembali Daerah Operasi Meliter di Aceh dengan mengerahkan 40,000 tentera dan polis serta sejumlah senjata berat dan pesawat pengebom dari udara. Perang ini yang dicituskan oleh pemerintah merupakan yang terbesar, setelah beberapa perundingan antara pemerintah dan GAM gagal. Dalam perang ini diperkirakan ribuan rakyat Aceh tewas, akan tetapi setelah satu tahun operasi meliter untuk menghabiskan GAM belum ada tokoh GAM yang tertangkap atau terbunuh.

Perang menuntut kemerdekaan yang dilakukan oleh GAM, telah membawa penderitaan, kesengsaran, kehancuran, kematian dan kesedihan yang berkepanjangan bagi masyarakat Aceh. Kehidupan masyarakat Aceh masa kini berada dalam kesengsaraan kerana keterpurukan ekonomi akibat peperangan dan pelbagai program pembangunan tidak boleh dilaksanakan. Pelbagai aktiviti masyarakat untuk mencari nafkah atau berkerja tidak boleh dilakukan dengan baik atau terhenti sama sekali akibat terjadi peperangan, pemeriksaan dan penindasan.

Mereka berjuang untuk merdeka dengan harapan agar terlepas dari penderitaan dan mendapat hak dari hasil kekayaan alam yang melimpah. Kebanyakan masyarakat tidak dapat merasakan dan menikmati hasil pembangunan selaras dengan kekayaan alam Aceh serta belum dapat meningkatkan kesejahteraan dalam hidupnya, tidak terlepas dari garis kemiskinan yang melilit mereka sejak dari dulu lagi. Nikmat kemerdekaan di Indonesia hanya dirasakan oleh penguasa dan orang-orang yang mendapat jawatan dalam pemerintahan. Nikmat kemerdekaan sebenarnya dimiliki oleh semua, sama rata dan sama rasa oleh seluruh masyarakat.

3.3 Keadaan Masyarakat Aceh Masa Kini

Kehidupan masyarakat Aceh masa kini erat kaitannya dengan amalan dan apa yang terjadi pada masa lalu, peristiwa dan pemahaman pemikiran masa lalu itu akan membentuk profil masyarakat Aceh masa kini. Profil masyarakat Aceh yang berjiwa Islam terbentuk sejak Islam masuk ke Aceh pada abad pertama Hijriah atau abad ke-7/8 Masehi. Islam sudah menjadi pegangan, panduan dan pedoman dalam pelbagai segi kehidupan sehari-hari. Islam sudah sejiwa, sehati dan sangat munasabah dengan masyarakat Aceh yang sudah menjadi darah dagingnya serta masyarakat Aceh taat dan fanatik dalam mengamalkan ajaran Islam.

Masyarakat Aceh boleh dikatakan sangat menonjol kebanggaannya kepada kejayaan masa silam yang berhubung kait dengan cerita Iskandar Muda, kerajaan *Peureulak*, kerajaan Samudera Pasai dan perang melawan penjajahan Belanda yang berlangsung selama 69 tahun. Menonjolnya Aceh sebagai daerah pertama masuknya Islam pada abad pertama Hijriah di Nusantara dan dengan keberhasilan ini Aceh

mampu menghadang kekuatan Portugis, Spanyol, Belanda dan Inggris untuk menguasai Selat Melaka.¹³²

Sejarah yang terjadi masa lalu di masa kerajaan Aceh yang bersendikan Islam dan apa yang terjadi setelah kemerdekaan akan menjadi bentuk dasar atau prinsip yang menjiwai masyarakat Aceh hari ini. Peristiwa keberhasilan masa lalu sentiasa menjadi kebanggaan generasi masa kini, demikian juga kekecewaan atau ketidakpuasan generasi masa lalu kadang-kadang terwarisi atau terbawa pada generasi masa kini. Ditambah lagi keadaan masyarakat Aceh yang terbentuk dan dipengaruhi oleh sistem pentadbiran pemerintah yang tidak adil dan tidak bijaksana sehingga mengecewakan serta tidak memuaskan sebahagian besar masyarakat Aceh.

Masyarakat Aceh masa kini telah banyak mengalami perubahan dan cabaran berbanding keadaan masa lalu termasuk masyarakat Indonesia pada umumnya dan masyarakat Aceh pada khususnya. Keadaan ini disebabkan oleh pengaruh arus globalisasi dan era teknologi maklumat yang berkembang sedemikian cepat, sehingga membawa pengaruh dan perubahan terhadap semua aspek kehidupan masyarakat Islam. Perubahan ini telah membawa kepada pelbagai pengaruh positif dan pengaruh negatif. Pengaruh negatif telah membawa kepada pengeseran nilai-nilai agama seperti kedangkalan akidah, penggeseran nilai sosial, perubahan akhlak masyarakat terutama generasi muda. Dulu setelah maghrib biasa terdengar suara anak-anak mengaji al-Qur'ān di hampir setiap rumah di kampung-kampung. Kini situasi semacam itu terasa

¹³² Abdullah Ali (1999), *Op. Cit.*, h.3.

masa lalu, sebab yang terdengar bukan lagi alunan suara al-Qur'ān tetapi berganti menjadi nada irama radio dan televisyen.¹³³

Dahulu tidak banyak faktor yang merusak nilai-nilai agama dikalangan masyarakat Aceh, tetapi setelah masuk kebudayaan luar sebagai akibat terbukanya isolasi masyarakat Aceh dengan pesatnya arus modernisasi dan muncul pelbagai media komunikasi dan pengaruh informasi dan teknologi yang sangat besar dan hasil pembangunan fisik yang menonjol, sekarang nampak gejala pengeseran nilai dan perubahan pandangan hidup masyarakat Aceh terutama generasi muda.¹³⁴

Pelbagai masalah kini timbul dalam masyarakat Aceh terutama akibat konflik yang berkepanjangan antara GAM dengan pemerintah yang membawa penderitaan dan kesengsaraan dan konflik identiti yang semakin parah akibat pengaruh teknologi telah menyisihkan nilai-nilai agama dalam kehidupan sehari-hari. Konflik ini telah menimbulkan ketidakpuasan bagi masyarakat, di mana telah terjadi penyimpangan dan pengeseran nilai-nilai sosial dan keagamaan dalam masyarakat Aceh. Untuk mengatasi dan mengubati masalah ini telah diatasi dengan pelaksanaan Syariat Islam dan pembinaan keagamaan dengan menggunakan metod dakwah yang sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh kini.

Kehidupan masyarakat Aceh kini lebih baik, aman dan harmoni setelah terjadi tiga peristiwa penting yang membawa kegembiraan dan kesedihan, peristiwa itu menjadi momentum penting untuk membangun Aceh kearah yang lebih Islami, lebih

¹³³ Aqib Suminto (1987), "Da'wah Islamiyah di Indonesia Menjelang Tahun 2000", *Sinar Darussalam* No. 158/159, 1987, Banda Aceh: YPD Unsyiah IAIN Ar-Raniry Banda Aceh, h. 56.

¹³⁴ Zainal Abidin Abubakar (1985), "Agama Dalam Penegakan Hukum dan Penyelenggaraan Peradilan", *Sinar Darussalam*. No. 145, Januari 1985, Banda Aceh: YPD Unsyiah- IAIN-AR-Raniry Banda Aceh, h. 52.

baik, makmur dan sejahtera. Peristiwa yang bersejarah itu adalah: Pertama, lahir Undang-Undang No. 44 tahun 1999, dan Undang-Undang No. 11 tahun 2006 yang mengamanatkan bahwa di Aceh diberlakukan Syariat Islam secara *kāffah* dan tentang pemerintahan Aceh yang menjadi payung hukum pengaturan Syariat Islam.¹³⁵ Kedua, bencana gempa dan tsunami yang terjadi pada 26 Desember 2004 di Aceh. Bencana alam tersebut telah memporak-porandakan Aceh dengan menelan ratusan ribu korban jiwa, termasuk harta benda yang tak terhitung jumlahnya.¹³⁶ Bencana tsunami telah mendatangkan bantuan kewangan yang cukup besar dari pelbagai negara untuk membangun kembali Aceh dari kemusnahan dan kehancuran. Ketiga, terjadi kesepakatan mengakhiri sengketa dan konflik bersejata antara Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dengan pemerintah Indonesia dengan menanda tangani perjanjian damai 15 Ogos 2005 di Helsinki Finlandia.

Perjanjian damai telah mendapatkan pentadbiran pemerintah Aceh yang lebih luas mengikut otonomi khusus dengan Undang-Undang Pemerintahan Aceh (UUPA) dan Aceh berhak memperoleh pendapatan sumber asli yang lebih besar untuk melaksanakan program pembangunan dan memiliki hak untuk menerapkan Syariat Islam. Masyarakat Aceh kini hidup dalam keadaan aman, damai dan keutuhan intergriti yang sedang melonjakkan pembangunan setelah kesepakatan perjanjian damai antara GAM dan pemerintah Indonesia dimaterai. Aceh diberi otonomi khusus dalam melaksanakan pemerintahan dengan diberi wewenang yang lebih besar dalam mengendalikan minyak bumi dan gas, sumber daya kehutan, kelautan, hukum, peradilan dan pelbagai sumber ekonomi lainnya. Pemerintah pusat memberikan wewenang kepada Aceh, dengan pertimbangan bahawa Aceh tidak lagi menuntut

¹³⁵ Syahrizal Abbas (2009), *Syari'at Islam di Aceh, Ancangan Metodologis dan Penerapannya*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh, h. 64.

¹³⁶ Hasanuddin Yusuf Adan (2007), *Op. Cit.*, h. 46.

kemerdekaan dari Negara Kesatuan Republik Indonesia. Keduanya sepakat untuk membangun Aceh ke depan yang lebih baik, adil, sejahtera dan bermartabat.¹³⁷

Oleh itu, program pembangunan masyarakat Aceh, pasca pelaksanaan Syariat Islam, bencana tsunami dan setelah perjanjian damai akan menjadi instrumen dan menimbulkan inspirasi untuk membangun kembali Aceh yang lebih baik, berkembang dan tepat sasaran dari pelbagai aspek kehidupan. Program pembangunan kini sudah disusun yang lebih telus, adil, dan berkesan dengan meningkatkan kemakmuran, kesejahteraan, memberi pengkhidmatan yang baik kepada masyarakat, sudah mulai merangka dasar pemerintahan yang bersih dari rasuah dan salah guna kuasa serta penguatkuasaan undang-undang yang ketat selaras dengan kehendak dakwah.

Masyarakat Aceh kini sedang menikmati kehidupan dalam suasana aman dan damai, di mana pemerintah Aceh telah merangka strategi pembangunan berpandukan pada ajaran Islam sebagai sumber inspirasi dalam menentukan gagasan dan kebijaksanaannya. Pemerintah Aceh telah berkeupayaan merealisasikan pelaksanaan Syariat Islam sebagai asas kekuatan, dasar keadilan dalam membawa kemakmuran dan menjadi wadah untuk menjamin keamanan, kedamaian dan keharmonian. Program pembangunan yang dirancang dan pelaksanaan Syariat Islam di Aceh telah membawa nilai-nilai yang positif dalam mewarnai segala aspek kehidupan dan menempati kehendak masyarakat untuk memacu kemajuan. Suasana ini dapat dilihat bahawa undang-undang syariat diterima secara ikhlas, senang hati, dipatuhi dengan sukarela dan diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Penerapan Syariat Islam merupakan suatu keperluan sebagai tanda kecintaan dan keyakinan tinggi masyarakat Aceh

¹³⁷ Syahrizal Abbas, (2009) "Mediasi Dalam Syari'at Islam" dalam Syamsul Rijal *et al.* (eds.), *Syari'at Islam di Aceh Problematika Implementasi Syari'ah*, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Provinsi Aceh. h. 252-253.

terhadap Islam dalam memenuhi harapan dan keinginan masyarakat untuk membangun dan terus hidup di bawah payung undang-undang Syariat Islam. Masyarakat Aceh berkeyakinan bahawa dengan Syariat Islam mereka dapat hidup dalam keadaan rukun, aman, damai dan maju dalam segala bidang.¹³⁸

Kehidupan masyarakat Aceh kini yang membangun berpandukan Syariat Islam akan mempengaruhi corak dan warna masyarakat yang lebih Islami dengan memupuk semangat persaudaraan dalam membangun rohani, jasmani sosial dan moral serta lebih berjaya dalam membangun masyarakat dan memacu kemajuan negara. Pelaksanaan Syariat Islam bagi masyarakat Aceh merupakan prinsip dan asas perjuangan yang sudah menjadi aset, sebagai motivasi dan potensi berharga yang membabitkan pemerintah dalam penerapan Syariat Islam untuk membangun kualiti modal insan mengikut acuan Islam dalam menikmati kejayaan dan meningkatkan kemakmuran. Undang-undang Syariat Islam di Aceh akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berjaya kerana dilakukan oleh negara. Penerapan hukum Islam secara formal memerlukan peranan negara kerana hanya negaralah yang mempunyai otoriti untuk melakukan penerapan hukum.¹³⁹

Masyarakat Aceh kini sudah mulai menikmati faedah dari bahang pembangunan yang dilakukan oleh negara dengan infrastruktur asas yang lebih baik, prestasi pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan memberangsangkan, terbuka peluang pekerjaan, telah terjadi pelbagai perubahan dan kemajuan yang dapat merangka jalan menuju ke masa depan yang lebih cerah. Oleh itu, pemerintah Aceh membangun suatu mekanisme kontrol yang ketat agar para pemimpin yang tertinggi dan terendah

¹³⁸ Muslim Ibrahim (2003), *Op. Cit.*, h. 27.

¹³⁹ Iskandar Ibrahim (2003), "Dinamika Pelaksanaan Syari'at Islam di Provinsi NAD" dalam Syahrizal *et al.* (eds.), *Kontekstualisasi Syari'at Islam di Nangroe Aceh Darussalam*, Banda Aceh: Ar-Raniry Press, h. 85.

memperlihatkan keteladanan yang baik, taat beragama, hidup sederhana, menegakkan keadilan, taat pada hukum tidak melakukan korupsi dalam bentuk apapun sehingga memberi contoh teladan bagi masyarakat.¹⁴⁰

Dengan penerapan Syariat Islam, masyarakat Aceh yang kini hidup dalam era suasana aman damai penuh perpaduan, situasi politik yang lebih stabil dan dengan pemerintahan otonomi khusus telah dapat meningkatkan pembangunan dalam pelbagai aspek seperti mengurangkan kemiskinan, membangun kawasan pedalaman dan terpencil, meningkatkan status wilayah tertinggal untuk mempercepat arus pembangunan. Masyarakat Aceh telah dapat menikmati pendidikan percuma mulai dari sekolah rendah sampai sekolah menengah dan masyarakat mendapat menikmati pengubatan percuma dari pemerintah bagi setiap masyarakat yang memiliki kad pengenalan Aceh. Program pembangunan yang dirangka pemerintah Aceh untuk membangun masyarakat yang maju, aman, makmur dan mengagihkan pemerataan pendapatan untuk dapat dinikmati semua lapisan masyarakat telah melahirkan inpak yang positif dalam segala aspek.

Perjanjian damai sudah menjadi rahmat bagi masyarakat Aceh terutama dalam menyelesaikan konflik yang berkepanjangan antara GAM dan pemerintah telah dapat diselesaikan secara adil mengikut acuan Islam sehingga masyarakat sudah dapat berinteraksi, tidak ada lagi timbul kecurigaan, suasana ketakutan dan kembali hidup dalam keadaan aman damai. Dengan penerapan Syariat Islam telah melahirkan situasi dan suasana yang lebih aman telah menyuntik semangat baru yang lebih konprehensif dan aktif dengan semangat kembali berdakwah secara intensif, mulai aktif berceramah, menghidupkan pengajian dan meningkatkan motivasi dalam aktiviti keagamaan.

¹⁴⁰ Pemerintah Aceh Tahun 2009, *Op. Cit*, h. 11.

Perlakuan Syariat Islam telah dapat mengembangkan program dakwah yang lebih luas, berkesan dan menggunakan metod dakwah yang sesuai dengan keperluan masyarakat Aceh masa kini. Oleh itu, pemerintah daerah berkewajiban menubuhkan dan mengembangkan lembaga badan dakwah Islamiyah sehingga dapat melahirkan kader-kader dakwah yang memiliki wawasan keislaman dan keilmuan.¹⁴¹

Dakwah kini telah dikembangkan oleh pemerintah dengan membentuk badan dakwah dan perlakuan Syariat Islam serta disokong oleh organisasi Islam, yayasan, badan swasta, pondok pasantren dan masyarakat. Sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi masa kini, maka hasrat dan minat untuk berdakwah sudah dikembangkan begitu luas dengan menggunakan pelbagai media agar dakwah lebih berkesan dan dapat mencapai sasaran. Dakwah yang dikembangkan lebih profesional dengan menggunakan banyak media mempunyai kelebihan dan kesan tersendiri kerana dapat disimpan dan dibaca berulang-ulang, seperti surat kabar, majalah, buletin dan buku. Demikian juga dakwah yang menggunakan audio visual dapat didengar dan dilihat seperti radio, televisyen, kaset dan vcd. Bila unsur dakwah boleh dilihat dan diamati biasanya akan lebih berkesan, mudah difahami dan dapat mempengaruhi pendengar.

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi pada masa kini telah melahirkan banyak cendakiawan muslim yang mampu berdakwah sesuai dengan ilmu pengetahuan yang dimilikinya. Kebanyakan mereka yang bertindak sebagai pendakwah mahir dan populer adalah lepasan dari pelbagai universiti. Dalam menyampaikan dakwah, mereka menggunakan pelbagai metod dan gaya seperti berdakwah secara lisan dan tulisan. Untuk meningkatkan motivasi dan mengembangkan metod dakwah, maka Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniry Banda Aceh telah membuka Fakulti Dakwah

¹⁴¹ Undang-Undang Tentang Pemerintahan Aceh (Republik Indonesia), 2006 (Undang-Undang No. 11, Bab IV, Pasal 13 (3), 2006).

sejak tahun 1968. Hasil didikan Fakultas ini telah banyak melahirkan pendakwah-pendakwah mahir yang terdidik sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan keperluan masyarakat Aceh masa kini.

Pada masa kini banyak intelektual muslim atau pendakwah lepasan universiti, terutama dari Fakultas Dakwah telah mampu berdakwah dengan baik dan sempurna. Mereka boleh dikatakan sebagai pendakwah yang sudah mahir dalam bidangnya masing-masing, seperti berdakwah secara lisan yang menggunakan stesyen radio, TV, dan membaca khutbah jumaat. Mereka yang berdakwah dengan tulisan adalah dengan menulis buku-buku tentang agama Islam, menulis artikel dalam surat khabar, majalah dan buletin yang terbit di Banda Aceh dan di Indonesia pada umumnya. Sementara ada juga yang berdakwah dengan lukisan seperti lukisan seni kaligrafi, yang juga tidak kalah pentingnya dalam menarik minat orang kepada ajaran Islam. Bahkan orang yang bukan Islam pun tertarik kepada seni kaligrafi Islam sehinggalah mereka berminat untuk mempelajari Islam.

Perkembangan kehidupan masyarakat Aceh masa kini telah mengalami perubahan dalam pelbagai segi, sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Kemajuan itu kadang-kadang mengalami pengeseran nilai-nilai agama, nilai sosial dan moral dalam masyarakat Aceh. Kehidupan masa kini yang penuh tantangan dan cabaran, telah diatasi dengan ditingkatkan gerakan dakwah Islamiyah yang digerakkan oleh organisasi Islam dan pemerintah daerah Aceh. Mereka menggunakan pelbagai metode dakwah, memakai media untuk mencapai tujuan dan sasaran serta mendapat kesan yang positif bagi masyarakat.

3.4 Kesimpulan

Islam sudah masuk ke Aceh pada abad pertama hijrah atau abad ke tujuh Masehi. Ini berarti Aceh merupakan daerah pertama atau paling awal menerima dan masuknya Islam di Nusantara. Islam masuk ke Aceh dibawakan oleh pedagang Arab di mana mereka sambil berdagang mengembangkan agama Islam. Pedagang Arab memiliki akhlak yang mulia, berbudi pekerti yang baik, berperadaban tinggi, bersifat adil dan jujur telah menarik hati penduduk tempatan untuk memeluk Islam. Para pedagang sambil berdagang mengembangkan dakwah dan mereka telah mengawini gadis tempatan. Perkahwinan telah memudahkan mengembangkan dakwah Islam terutama untuk mengislamkan keluarga mereka sendiri. Kemudian mereka dapat mengislamkan raja dan pegawai tinggi kerajaan. Disebabkan raja memeluk Islam, maka rakyat ramai-ramai memeluk Islam sehingga dalam waktu singkat, Islam sudah berkembang keseluruh Aceh.

Perkembangan dakwah Islam yang begitu pesat telah dapat menubuhkan beberapa kerajaan Islam di Aceh sehingga telah menjadikan Aceh sebagai pusat penyebaran dakwah dan menjadi kawasan pengembangan ilmu pengetahuan Islam. Pengembangan Islam dan kemajuan ilmu pengetahuan telah melahirkan para pendakwah dan ulama besar dari Aceh telah dikirim ke Nusantara untuk menyiarkan dakwah Islam seperti ke pulau Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan Semenanjung Malaysia sehingga Islam dari Aceh terus berkembang dan tumbuh kerajaan Islam di pelbagai kawasan di Nusantara.

Sejak Islam masuk ke Aceh semua struktur kerajaan, pemerintah dan pola kehidupan masyarakat disesuaikan dengan ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat di mana

kerajaan Aceh Darussalam mengambil Islam menjadi Dasar Negara sehingga segala aturan yang berlaku di dalamnya tidak bertentangan dengan hukum Islam. Oleh itu, Islam sudah di amalkan oleh masyarakat secara baik, bersungguh-sungguh sejak dari dulu lagi dan sangat fanatik terhadap Islam sehingga Islam sudah menjadi darah daging bagi masyarakat Aceh dan tidak ada masyarakat Aceh yang tidak Islam. Islam telah menjadi amalan, pola hidup dan pegangan masyarakat yang sentiasa diperjuangkan untuk membangun dan memertabatkan Islam.

Perjuangan masyarakat Aceh yang dicetuskan sejak penjajahan Belanda adalah untuk mempertahankan Islam dan perjuangan setelah Indonesia merdeka menuntut hak dan keadilan untuk membangunkan Islam. Perjuangan membangunkan Islam sudah tercapai dengan diberlakukan penerapan Syariat Islam di Aceh pada tahun 1999 sesuai dengan tututan masyarakat yang ingin menjalankan undang-undang syariah dan kini masyarakat Aceh hidup dalam keadaan aman, damai dan membangun bersama Islam.